



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN  
PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI

## NEGERI PAHANG

TAHUN 2013

DEWAN UNDANGAN NEGERI PAHANG



JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA





JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

**LAPORAN  
KETUA AUDIT NEGARA**  
彭亨州政府財務報告及管理  
JABATAN/AGENSI  
**NEGERI PAHANG**  
TAHUN 2013



# KANDUNGAN





# KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
<b>KATA PENDAHULUAN</b>	vii
<b>INTISARI LAPORAN</b>	xi
<b>BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013</b>	
Pendahuluan	3
Objektif Dan Metodologi Pengauditan	4
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013	4
<b>BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI</b>	
Latar Belakang	7
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	7
Kumpulan Wang Disatukan	7
Wang Awam	8
Akaun Hasil Disatukan	10
Akaun Pinjaman Disatukan	18
Akaun Amanah Disatukan	18
Penyata Prestasi Kewangan	28
Penyata Akaun Memorandum	29
Nota Kepada Penyata Kewangan	34
Rumusan Dan Syor Audit	37
<b>BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI</b>	
Pencapaian Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-10	41
Rumusan	43
<b>BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI</b>	
Pendahuluan	47
Penambahbaikan Pengurusan Kewangan Oleh Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri	47

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti	48
Objektif Pengauditan	48
Skop Dan Metodologi Pengauditan	49
Kawalan Utama	49
Penemuan Audit	61
Pemeriksaan Audit Mengejut	67
Rumusan Dan Syor Audit	70
 <b>BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI</b>	
Pendahuluan	75
Pengauditan Penyata Kewangan	75
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	75
Pengesahan Penyata Kewangan	76
Pembentangan Penyata Kewangan	77
Prestasi Kewangan	77
Rumusan Dan Syor Audit	89
 <b>BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI</b>	
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri; Dan Aktiviti Jabatan/Agenzi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	93
Mesuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	93
 <b>PENUTUP</b>	 97
 <b>LAMPIRAN</b>	
I Sijil Ketua Audit Negara	101
II Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Dan Akauntan Negeri	102
III Penyata Kedudukan Kewangan	103
IV Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	104
V Penyata Prestasi Kewangan	105
VI Penyata Akaun Memorandum	106
VII Nota Kepada Penyata Kewangan	107

# KATA PENDAHULUAN





# KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut, memeriksa, menyiasat dan mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agenzi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya laporan itu dibentangkan di Parlimen, manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang memperkenankan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Pahang. Bagi memenuhi fungsi dan tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 2 jenis pengauditan seperti berikut:


**1.1. Pengauditan Penyata Kewangan** – Pengauditan ini yang berpandukan kepada Piawaian Perakaunan Kerajaan bertujuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang pada tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam.

**1.2. Pengauditan Pengurusan Kewangan** – Pengauditan ini bertujuan untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Jabatan/Agenzi Negeri dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan. Jabatan Audit Negara telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti (AI) pada tahun 2007 dan tahun 2013 adalah tahun ketujuh pelaksanaannya. AI diwujudkan bertujuan untuk membuat penilaian secara objektif terhadap pengurusan kewangan Jabatan/Agenzi Negeri bagi mengukur dan menambah baik kawalan pengurusan kewangan sehingga mencapai tahap cemerlang. Penarafan AI diberi berdasarkan kepada tahap pematuhan terhadap peraturan-peraturan kewangan berhubung dengan kawalan pengurusan, bajet, terimaan, perbelanjaan, kumpulan wang amanah/akaun amanah/deposit, aset dan stor, pinjaman, pelaburan dan penyediaan Penyata Kewangan. Dengan pelaksanaan AI ini, ia dapat membantu mewujudkan budaya kerja berdasarkan amalan terbaik seperti **Cepat, Tepat dan Berintegriti**. Selain itu, sebagai usaha berterusan memupuk kesedaran dan iltizam integriti yang tinggi di kalangan penjawat awam dalam pengurusan kewangan, pemeriksaan mengejut juga dilaksanakan di beberapa Pusat Tanggungjawab terpilih seluruh negeri.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agenzi Negeri Pahang Tahun 2013 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di pejabat Perbendaharaan Negeri dan beberapa Jabatan/Agenzi Negeri sepanjang tahun 2013. Semasa pengauditan dijalankan, pemeriksaan telah dibuat secara teliti lagi telus terhadap segala langkah yang diambil oleh Jabatan/Agenzi bagi melindungi semua pemungutan, penjagaan serta pembayaran wang awam daripada berlakunya ketidakakurran yang serius.

3. Kerajaan Persekutuan telah memutuskan untuk mengubah asas perakaunan yang diamalkan sekarang iaitu Asas Perakaunan Tunai Ubahsuai kepada Perakaunan Akruan mulai tahun 2015. Perakaunan Akruan mengiktiraf dan merekodkan semua urus niaga pada masa ia berlaku. Selain itu, ia menghendaki semua aset Kerajaan sama ada aset alih, tak alih dan aset hidup berserta semua jenis liabiliti Kerajaan ditunjukkan sepenuhnya dalam Penyata Kewangan Kerajaan. Pelaksanaan dasar Perakaunan Akruan ini adalah selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk memperkasakan Transformasi Sektor Awam bagi mempertingkatkan kecekapan dalam pengurusan kewangan dan perakaunan. Sehubungan ini, Kerajaan Negeri hendaklah memantapkan lagi Pengurusan Kewangan di peringkat Jabatan/Agensi khususnya dalam aspek pengurusan aset dan stor sebagai persediaan awal ke arah tersebut. Justeru itu, pembangunan modal insan yang berterusan kepada pegawai yang terlibat perlu dipertingkatkan.

4. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai di Jabatan/Agensi Negeri Pahang yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)  
Ketua Audit Negara  
Malaysia

Putrajaya  
13 Ogos 2014

# INTISARI LAPORAN





# **INTISARI LAPORAN**

## **BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI TAHUN B ERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

1. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun berakhir 31 Disember 2013. Semua butiran dalam Penyata Kedudukan Kewangan dan Penyata Memorandum telah disertakan dengan dokumen sokongan yang mencukupi.

## **BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

2. Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri adalah baik. Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri telah menunjukkan sedikit peningkatan sejumlah RM3.53 juta atau 1.1% menjadi RM334.03 juta pada akhir tahun 2013 berbanding RM330.50 juta pada tahun 2012. Baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan telah meningkat sejumlah RM0.73 juta atau 0.4% menjadi RM192.89 juta pada tahun 2013 berbanding RM192.16 juta pada tahun 2012. Manakala perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri pada tahun 2013 mencatat peningkatan sejumlah RM51.62 juta atau 9.2% menjadi RM610.32 juta berbanding RM558.70 juta pada tahun 2012. Pelaburan pada tahun 2013 telah menurun sejumlah RM60.00 juta menjadi RM1.10 bilion. Kutipan hasil menurun sejumlah RM13.91 juta atau 2.2%, manakala tunggakan bayaran balik pinjaman boleh dituntut Agensi Negeri menurun sejumlah RM0.53 juta atau 0.4%. Kerajaan Negeri disyorkan terus mengamalkan perbelanjaan berhemat, berusaha mengutip tunggakan pinjaman Agensi Kerajaan Negeri berjumlah RM147.97 juta dan menjelaskan tunggakan bayaran balik Hutang Awam berjumlah RM85.96 juta yang tidak termasuk Projek Bekalan Air. Akaun Belum Terima/tunggakan hasil meningkat sejumlah RM10.72 juta atau 20.9% menjadi RM61.92 juta pada tahun 2013.

## **BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI**

3. Bagi menjayakan RMKe-10, pada tahun 2013 sejumlah RM141.53 juta peruntukan telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri kepada 11 Jabatan. Prestasi perbelanjaan bagi projek pembangunan adalah sangat baik kerana sejumlah RM137.98 juta iaitu 97.5% daripada peruntukan yang diluluskan telah dibelanjakan. Bagaimanapun perlaksanaan projek adalah memuaskan kerana sebanyak 32 projek atau 15.8% telah berjaya disiapkan daripada 202 projek yang dirancang manakala 119 projek atau 58.9% dalam pelaksanaan dan 51 projek atau 25.2% masih belum dimulakan.

## **BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI**

4. Pada tahun 2013, Jabatan Audit Negara Negeri Pahang telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti di 20 Jabatan/Agensi Negeri. Pencapaian pengurusan kewangan bagi 20 Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit menunjukkan 11 Jabatan/Agensi Negeri mencapai tahap sangat baik iaitu penarafan 4 bintang, sebanyak 7 Jabatan/Agensi Negeri mencapai tahap baik iaitu penarafan 3 bintang dan 2 Jabatan/Agensi mencapai tahap memuaskan iaitu penarafan 2 bintang. Pada amnya prestasi pengurusan kewangan adalah bertambah baik. Pencapaian tersebut boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan mengambil inisiatif untuk menambah baik tahap pengurusan kewangan dengan mengambil tindakan bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan selain mengambil tindakan pencegahan bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang.

## **BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI**

5. Pada keseluruhannya, prestasi penyerahan dan penyediaan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 bagi Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam adalah memuaskan. Manakala bagi Pihak Berkuasa Termpatan, prestasi penyerahan dan penyediaan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah baik. Tiga Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam telah memohon lanjutan tempoh penyerahan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 daripada Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Bagi tempoh Januari 2013 hingga 30 Jun 2014, sebanyak 21 Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 telah diaudit dan dikeluarkan Sijil Audit. Sebanyak 18 Penyata Kewangan telah diberi Sijil Audit Tanpa Teguran manakala 3 lagi telah memperoleh Sijil Audit Berteguran. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan tahun 2013 bagi Badan Berkanun Negeri adalah memuaskan berbanding tahun 2012. Pada akhir tahun 2013, lebihan pendapatan terkumpul atau keuntungan terkumpul meningkat sejumlah RM117.76 juta atau 9.7%, lebihan jumlah aset meningkat sejumlah RM117.68 juta atau 9.6% dan aset semasa bersih juga meningkat sejumlah RM2.51 juta atau 0.8% berbanding tahun 2012. Manakala bagi Pihak Berkuasa Tempatan, defisit sejumlah RM10.22 juta telah dicatatkan pada tahun 2013 berbanding defisit sejumlah RM8.60 juta yang dicatatkan pada tahun 2012. Sejumlah RM105.03 juta hasil cukai taksiran telah dikutip oleh Pihak Berkuasa Tempatan iaitu peningkatan sejumlah RM4.95 juta atau 4.9% berbanding kutipan hasil cukai taksiran pada tahun 2012. Tunggakan cukai taksiran yang dicatatkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan pada 31 Disember 2013 adalah berjumlah RM46.04 juta iaitu peningkatan sejumlah RM3.04 juta atau 7.1% berbanding tahun 2012.

## **BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

6. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2012 Siri 1 dan Siri 2 telah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri Pahang pada 26 November 2013. Manakala Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2012 dan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2012 Siri 3 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Pahang pada 29 April 2014. Seterusnya, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2013 Siri 1 dan Siri 2 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Pahang pada 18 Ogos 2014. Bagaimanapun Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri belum membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2011 dan 2012. Jawatankuasa perlu lebih kerap bermesyuarat supaya Laporan Audit yang dibincangkan adalah yang terkini.



# **BAHAGIAN I**

## **Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan NEGERI PAHANG**

### **Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013**





# **BAHAGIAN I**

## **PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG**

### **BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

#### **1. PENDAHULUAN**

**1.1.** Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit, 1957. Bagaimanapun mengikut keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Bil. 1 Tahun 2009, menghendaki semua Penyata Kewangan Kerajaan Negeri/Agenzi Negeri hendaklah dikemukakan untuk diaudit sebelum 30 April setiap tahun.

**1.2.** Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 kepada Jabatan Audit Negara pada **28 Februari 2014**. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai pada tahun 2013 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Ia mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

**1.3.** Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan dan Deposit Dalam Bank melebihi tempoh 3 bulan sahaja dilaporkan di Penyata Kedudukan Kewangan. Manakala pelaburan lain dilaporkan di Penyata Akaun Memorandum.

**1.4.** Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan secara ringkas lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding dengan jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan, amaun anggaran dan sebenar hasil, perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan. Penyata ini juga menunjukkan pembiayaan sekiranya terdapat kurangan keseluruhan dan penggunaan dana sekiranya terdapat lebihan keseluruhan.

**1.5.** Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan aset dan liabiliti Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Manakala liabiliti Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Hutang Awam.

## **2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

**2.1.** Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

**2.2.** Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2013. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Perbendaharaan Negeri Pahang dan Jabatan/Pejabat Negeri melalui surat Pemerhatian Audit sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan.

## **3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

**3.1.** Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpanduan Piawaian Pengauditan Yang Diluluskan. Akta dan Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian Penyata Kewangan.

**3.2.** Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang pada tahun 2013 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Dan Akauntan Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.

# **BAHAGIAN II**

## **Analisis Kewangan Kerajaan Negeri**





## **BAHAGIAN II**

### **ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

#### **4. LATAR BELAKANG**

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013, juga membuat analisis mengikut prinsip asas perakaunan tunai ubah suai terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Hasil analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan; Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai; Penyata Prestasi Kewangan; dan Penyata Akaun Memorandum serta maklumat kewangan yang berkaitan. Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut format yang ditetapkan dalam Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 (Disemak 2010) mengenai Persempahan Penyata Kewangan Kerajaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

#### **4.1. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri ini menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

#### **4.2. KUMPULAN WANG DISATUKAN**

**4.2.1.** Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada 3 akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Mengikut Penyata Kedudukan Kewangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2013 berjumlah RM334.03 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai berjumlah RM111.35 juta dan pelaburan berjumlah RM222.68 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

**Jadual 4.1**  
**Kumpulan Wang Disatukan Pada Tahun 2013 Berbanding 2012**

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	192.16	192.89	0.73	0.4
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.0
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	138.34	141.14	2.80	2.0
	a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan				
	i) Kumpulan Wang Pembangunan	-203.06	-225.86	-22.80	11.2
	ii) Kumpulan Wang Bekalan Air	-217.68	-211.99	5.69	-2.6
	iii) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	214.21	325.82	111.61	52.1
	b) Kumpulan Wang Amanah Awam	183.94	129.27	-54.67	-29.7
	c) Akaun Wang Deposit	160.93	123.90	-37.03	-23.0
Jumlah		330.50	334.03	3.53	1.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.2.2.** Analisis Audit mendapati kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2013 adalah meningkat sedikit berbanding tahun sebelumnya. Pada tahun 2013, Kumpulan Wang Disatukan meningkat sejumlah RM3.53 juta atau 1.1% menjadi RM334.03 juta berbanding RM330.50 juta pada tahun 2012. Peningkatan ini antara lain disebabkan oleh peningkatan Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM2.80 juta atau 2%.

**4.2.3.** Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.2.**

**Jadual 4.2**

**Kumpulan Wang Disatukan Pada Tahun 2009 Hingga 2013**

Bil.	Butiran	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	189.40	137.58	125.90	192.16	192.89
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	198.63	218.53	327.30	138.34	141.14
	<i>a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>					
	i) Kumpulan Wang Pembangunan	-157.77	-172.70	-188.03	-203.06	-225.86
	ii) Kumpulan Wang Bekalan Air	-168.90	-200.40	-217.32	-217.68	-211.99
	iii) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	190.73	192.68	268.60	214.21	325.82
	b) Kumpulan Wang Amanah Awam	195.60	268.34	305.27	183.94	129.27
	c) Akaun Wang Deposit	138.97	130.61	158.78	160.93	123.90
	<b>Jumlah</b>	<b>388.03</b>	<b>356.11</b>	<b>453.20</b>	<b>330.50</b>	<b>334.03</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

### **4.3. WANG AWAM**

#### **4.3.1 Wang Tunai**

**4.3.1.1.** Wang tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki akaun lain yang diluluskan untuk tujuan tertentu. Manakala Wang Tunai Dalam Perjalanan pula adalah wang tunai yang diterima dan telah dikeluarkan resit penerimaannya tetapi belum dibankkan dan Wang Tunai Dalam Bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa. Wang Tunai Dalam Tangan pula terdiri daripada panjar wang runcit yang diberi kepada Pemegang Panjar untuk tujuan perbelanjaan runcit. Mulai tahun kewangan 2011, Pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh 3 bulan atau kurang telah diklasifikasikan sebagai Wang Tunai Dalam Bank selaras dengan Para 1.2.3 *Cash Basis International Public Sector Accounting Standards* (IPSAS).

**4.3.1.2.** Kedudukan wang tunai pada tahun 2013 berbanding 2012 menunjukkan peningkatan ketara sejumlah RM53.53 juta atau 92.6% menjadi RM111.35 juta berbanding RM57.82 juta pada tahun 2012 seperti di **Jadual 4.3**. Peningkatan ini disebabkan meningkatnya Wang Tunai Dalam Bank sejumlah RM56.50 juta atau 109.4% termasuk pelaburan Berstruktur di CIMB Bank sejumlah RM50 juta yang telah matang.

**Jadual 4.3**

**Wang Tunai Pada Tahun 2013 Berbanding 2012**

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	51.64	108.14	56.50	109.4
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	6.09	3.12	-2.97	-48.8
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.09	0.09	0.00	0.00
<b>Jumlah</b>		<b>57.82</b>	<b>111.35</b>	<b>53.53</b>	<b>92.6</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.3.1.3.** Baki wang tunai bagi tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2009 hingga 2013 menunjukkan peningkatan pada tahun 2010 dan 2011, kemudian menurun pada tahun 2012 dan meningkat semula pada tahun 2013 seperti di **Jadual 4.4**.

**Jadual 4.4**

**Wang Tunai Pada Tahun 2009 Hingga 2013**

Bil.	Butiran	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	19.71	127.66	217.52	51.64	108.14
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	1.39	0.68	0.91	6.09	3.12
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.06	0.09	0.09	0.09	0.09
<b>Jumlah</b>		<b>21.16</b>	<b>128.43</b>	<b>218.52</b>	<b>57.82</b>	<b>111.35</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

#### 4.3.2. Pelaburan

**4.3.2.1.** Mengikut Seksyen 8(3)(b), Akta Tatacara Kewangan 1957, Kerajaan Negeri dibenarkan melabur dalam deposit di Institusi Kewangan dan pelaburan saham sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah terdiri daripada pelaburan-pelaburan yang dibuat dari Kumpulan Wang Amanah selaras dengan Suratcara Amanah Seksyen 10 dan Arahan Amanah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 serta peraturan yang berkuat kuasa. Manakala, Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah. Pada akhir tahun 2013, baki Pelaburan Am berjumlah RM222.68 juta berbanding RM272.68 juta pada tahun 2012 iaitu menurun sejumlah RM50 juta atau 18.3% kerana Pelaburan Berstruktur CIMB Bank telah matang seperti di **Jadual 4.5**.

**Jadual 4.5**  
**Pelaburan Am Pada Tahun 2013 Berbanding 2012**


Bil.	Pelaburan	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Saham	152.68	152.68	0.00	0.0
2.	Deposit Dalam Negeri	120.00	70.00	-50.00	-41.7
	<b>Jumlah</b>	<b>272.68</b>	<b>222.68</b>	<b>-50.00</b>	<b>-18.3</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.3.2.2.** Kedudukan baki Pelaburan Am bagi tempoh 2009 hingga 2013 menunjukkan penurunan pada tahun 2010, meningkat pada tahun 2011 dan 2012 dan menurun semula pada tahun 2013 seperti di **Carta 4.1**. Baki pelaburan pada tahun 2013 adalah yang terendah dalam tempoh 5 tahun.

**Carta 4.1**

**Kedudukan Pelaburan Bagi Tempoh 2009 Hingga 2013**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.3.2.3.** Pada tahun 2013, dividen yang diterima daripada pelaburan Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM9.58 juta iaitu meningkat sejumrah RM3.46 juta atau 56.54% berbanding RM6.12 juta pada tahun 2012. Peningkatan ini disebabkan terdapat dividen tahun 2012 diterima pada tahun 2013.

#### 4.4. AKAUN HASIL DISATUKAN

**4.4.1.** Akaun Hasil Disatukan merupakan penyata yang menunjukkan jumlah hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi satu tahun kewangan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98, Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957.

**4.4.2.** Kerajaan Negeri mengakhiri tahun kewangan 2013 dengan baki Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM192.89 juta meningkat sedikit sahaja sejumrah RM0.73 juta berbanding baki pada tahun 2012. Peningkatan ini disebabkan surplus hasil yang dipungut melebihi perbelanjaan mengurus tahun 2013 sejumrah RM0.73 juta. Surplus berjumlah

RM0.73 juta menurun sejumlah RM65.53 juta berbanding surplus berjumlah RM66.26 juta pada tahun 2012. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.6**.

**Jadual 4.6**  
Akaun Hasil Disatukan Pada Tahun 2013 Berbanding 2012

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	125.90	192.16	66.26	52.6
Hasil	624.96	611.05	-13.91	-2.2
Perbelanjaan Mengurus	558.70	610.32	51.62	9.2
Surplus/Defisit	66.26	0.73	-65.53	-98.9
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>192.16</b>	<b>192.89</b>	<b>0.73</b>	<b>0.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


**4.4.3.** Prestasi Akaun Hasil Disatukan bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.7** dan **Carta 4.2**.

**Jadual 4.7**  
Akaun Hasil Disatukan Pada Tahun 2009 Hingga 2013

Butiran	Tahun				
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	231.67	189.40	137.58	125.90	192.16
Hasil	492.14	526.19	601.52	624.96	611.05
Perbelanjaan Mengurus	534.41	578.01	613.20	558.70	610.32
Surplus/Defisit	-42.27	-51.82	-11.68	66.26	0.73
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>189.40</b>	<b>137.58</b>	<b>125.90</b>	<b>192.16</b>	<b>192.89</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**Carta 4.2**  
Trend Akaun Hasil Disatukan Bagi Tahun 2009 Hingga 2013



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.4.4.** Pencapaian hasil berbanding perbelanjaan mengurus bagi tahun 2009 hingga 2013 menunjukkan Akaun Hasil Disatukan telah mula mengalami defisit pada tahun 2009 dan peningkatan defisit pada tahun 2010 tetapi mencatatkan penurunan defisit pada tahun 2011. Pada tahun 2012 Akaun Hasil Disatukan telah mula mencatatkan surplus tetapi menurun semula pada tahun semasa sejumlah RM65.53 juta menjadi RM0.73 juta berbanding RM66.26 juta.

**4.4.5.** Pihak Kerajaan Negeri perlu meneliti segera keadaan atau trend ini kerana sekiranya tidak ditangani akan menyebabkan berlakunya keadaan defisit pada tahun akan datang. Kawalan perbelanjaan berhemah hendaklah diteruskan di samping usaha meningkatkan kutipan hasil negeri perlu segera diberi perhatian.

#### 4.4.6. Hasil

**4.4.6.1.** Akaun Hasil Disatukan mengandungi 3 butiran hasil iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2013, kutipan hasil sebenar adalah sejumlah RM611.05 juta di mana berkurang sejumlah RM125.85 juta (17.1%) berbanding anggaran yang diluluskan berjumlah RM736.90 juta. Kutipan hasil bagi tahun 2013 berbanding anggaran adalah seperti di **Jadual 4.8**.

**Jadual 4.8**

**Anggaran Hasil Dan Kutipan Hasil Sebenar Bagi Tahun 2013**

Bil.	Butiran Hasil	Anggaran Hasil (RM Juta)	Hasil Sebenar (RM Juta)	Varian (RM Juta)	Penurunan (%)
1.	Hasil Cukai	176.28	175.59	-0.69	-0.4
2.	Hasil Bukan Cukai	421.47	318.12	-103.35	-24.5
3.	Terimaan Bukan Hasil	139.15	117.34	-21.81	-15.7
<b>Jumlah</b>		<b>736.90</b>	<b>611.05</b>	<b>-125.85</b>	<b>-17.1</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.4.6.2.** Hasil yang dikutip pada tahun 2013 menurun sejumlah RM13.91 juta atau 2.2% menjadi RM611.05 juta berbanding RM624.96 juta pada tahun 2012 seperti di **Jadual 4.9**.

**Jadual 4.9**

**Hasil Negeri Pada Tahun 2013 Berbanding 2012**

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	182.92	175.59	-7.33	-4.0
2.	Hasil Bukan Cukai	268.02	318.12	50.10	18.7
3.	Terimaan Bukan Hasil	174.02	117.34	-56.68	-32.6
<b>Jumlah</b>		<b>624.96</b>	<b>611.05</b>	<b>-13.91</b>	<b>-2.2</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.4.6.3.** Pada tahun 2013, 3 butiran hasil yang telah mencatatkan penurunan yang ketara berbanding tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4.10**.

**Jadual 4.10**

**Penurunan Hasil Yang Ketara Pada Tahun 2013 Berbanding Tahun 2012**

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Perubahan		Punca
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Pemberian Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan (Terimaan Bukan Hasil)	99.98	40.11	59.87	59.9	Sejak penubuhan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) sebahagian besar Projek Persekutuan tidak lagi melalui Kerajaan Negeri dan ini secara tidak langsung mengurangkan pemberian caj 10%.
2.	Premium Perhutanan (Hasil Bukan Cukai)	89.73	49.43	40.30	44.9	Harga pasaran kayu dunia menurun hampir 50% dan ia menjelaskan hasil semasa kayu balak. Pelesen juga memohon untuk mengurangkan kadar premium.
3.	Jualan Air (Hasil Bukan Cukai)	10.17	0.00	10.17	100.0	Jabatan Bekalan Air (JBA) telah dikorporatkan menjadi Pengurusan Air Pahang (PAIP) pada 1 Februari 2012.
<b>Jumlah</b>		<b>199.88</b>	<b>89.54</b>	<b>110.34</b>	<b>55.2</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.4.6.4.** Perbandingan kutipan hasil bagi tahun 2009 hingga 2013 menunjukkan peningkatan setiap tahun, bagaimanapun mengalami sedikit penurunan pada tahun 2013 seperti di **Jadual 4.11** dan **Carta 4.3**.


**Jadual 4.11**

**Hasil Kerajaan Negeri Pada Tahun 2009 Hingga 2013**

Bil.	Butiran Hasil	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	110.29	139.98	156.33	182.92	175.59
2.	Hasil Bukan Cukai	295.75	284.04	362.92	268.02	318.12
3.	Terimaan Bukan Hasil	86.10	102.17	82.27	174.02	117.34
<b>Jumlah</b>		<b>492.14</b>	<b>526.19</b>	<b>601.52</b>	<b>624.96</b>	<b>611.05</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**Carta 4.3**  
**Kutipan Hasil Tahun 2009 Hingga 2013**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.4.6.5.** Penyumbang utama hasil Kerajaan adalah terdiri daripada Hasil Tanah, Geran Persekutuan dan Hasil-hasil Lain. Komponen Pelaburan seperti keuntungan dan dividen adalah antara hasil-hasil lain yang diperoleh oleh Kerajaan Negeri. Ketiga-tiga hasil ini menyumbang sejumlah RM541.85 juta iaitu 88.7% daripada jumlah keseluruhan hasil yang dikutip dalam tahun 2013 seperti di **Jadual 4.12**. Trend kutipan penyumbang utama hasil bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.13**.

**Jadual 4.12**  
**Hasil Utama Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2012 Dan 2013**

Bil.	Butiran Hasil	Tahun	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Hasil Tanah	292.08	359.20
2.	Geran Persekutuan	151.12	93.00
3.	Hasil Lain	60.83	89.65
<b>Jumlah</b>		<b>504.03</b>	<b>541.85</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**Jadual 4.13**  
**Hasil Utama Kerajaan Negeri Pada Tahun 2009 Hingga 2013**

Bil.	Butiran Hasil	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Hasil Tanah	183.71	175.56	249.30	292.08	359.20
2.	Hasil Hutan	67.88	80.57	117.24	109.32	67.67
3.	Hasil Air	104.05	109.73	106.63	11.61	1.53
4.	Geran Persekutuan	56.76	64.00	54.71	151.12	93.00
5.	Hasil Lain	79.74	96.33	73.64	60.83	89.65
<b>Jumlah</b>		<b>492.14</b>	<b>526.19</b>	<b>601.52</b>	<b>624.96</b>	<b>611.05</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

#### 4.4.7. Perbelanjaan Mengurus

**4.4.7.1.** Perbelanjaan mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Perbekalan. Perbelanjaan Tanggungan adalah perbelanjaan khusus yang diperuntukkan mengikut Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan iaitu yang dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan seperti bayaran pencen, ganjaran, pampasan dan pembayaran balik hutang awam. Manakala Perbelanjaan Perbekalan adalah yang diperuntukkan mengikut Perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan seperti bayaran untuk membiayai aktiviti dan pengurusan harian Kerajaan Negeri. Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri pada tahun 2013 berjumlah RM610.32 juta iaitu 96.5% daripada anggaran yang diluluskan berjumlah RM632.62 juta seperti di **Jadual 4.14**.

**Jadual 4.14**

Perbelanjaan Sebenar Berbanding Anggaran Yang Diluluskan

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Anggaran Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	262.12	254.62	97.1
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	145.66	139.40	95.7
3.	Aset	6.73	6.60	98.0
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	216.37	207.97	96.1
5.	Perbelanjaan Lain	1.74	1.73	99.4
<b>Jumlah</b>		<b>632.62</b>	<b>610.32</b>	<b>96.5</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.4.7.2.** Pada keseluruhannya, perbelanjaan mengurus pada tahun 2013 telah meningkat sejumlah RM51.62 juta atau 9.2% menjadi RM610.32 juta berbanding RM558.70 juta pada tahun 2012 seperti di **Jadual 4.15**.

**Jadual 4.15**

Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	246.96	254.62	7.66	3.1
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	137.07	139.40	2.33	1.7
3.	Aset	7.94	6.60	-1.34	-16.9
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	165.18	207.97	42.79	25.9
5.	Perbelanjaan Lain	1.55	1.73	0.18	11.6
<b>Jumlah</b>		<b>558.70</b>	<b>610.32</b>	<b>51.62</b>	<b>9.2</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.4.7.3.** Terdapat peningkatan ketara dalam beberapa maksud Perbelanjaan Mengurus pada tahun 2013 berbanding 2012. Contohnya adalah seperti di **Jadual 4.16**.

**Jadual 4.16****Peningkatan Ketara Perbelanjaan Mengurus Pada Tahun 2013 Berbanding 2012**

Bil.	Butiran Perbelanjaan	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	Perubahan		Punca
				(RM Juta)	(%)	
1.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap (Tanggungan) - Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	12.57	41.43	28.86	229.6	Peningkatan dalam Pembayaran faedah terhadap pinjaman dan bayaran balik pinjaman dalam negeri.
2.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap - Jabatan Kebajikan Masyarakat	3.12	19.94	16.82	539.1	Kenaikan kadar bantuan am. 2012- RM70 2013- RM300
3.	Perkhidmatan Dan Bekalan - Jabatan Agama Islam	37.17	40.28	3.11	8.4	Penambahan kos penyenggaraan dan peningkatan bayaran bil utiliti di SMA dan Pejabat Agama Islam Daerah.
4.	Perkhidmatan Dan Bekalan - Jabatan Pertanian Negeri	3.53	4.07	0.54	15.3	Peruntukan "one off" RM370,000 untuk pembaikan pejabat, menaiktaraf bilik air asrama dan membaik pulih sistem kebakaran serta tuntutan perjalanan Program Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan di Kuantan.
<b>Jumlah</b>		<b>56.39</b>	<b>105.72</b>	<b>49.33</b>	<b>87.5</b>	


Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.4.7.4.** Perbandingan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2009 hingga 2013 menunjukkan peningkatan pada tahun 2010 dan 2011, menurun pada tahun 2012 dan meningkat semula pada tahun 2013 seperti yang ditunjukkan di **Jadual 4.17** dan **Carta 4.4**.

**Jadual 4.17****Perbelanjaan Mengurus Bagi Tempoh 2009 Hingga 2013**

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Emolumen	231.22	247.55	255.54	246.96	254.62
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	121.24	130.81	135.55	137.07	139.40
3.	Aset	7.37	4.45	3.57	7.94	6.60
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	174.13	194.94	218.25	165.18	207.97
5.	Perbelanjaan Lain	0.45	0.26	0.29	1.55	1.73
<b>Jumlah</b>		<b>534.41</b>	<b>578.01</b>	<b>613.20</b>	<b>558.70</b>	<b>610.32</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

#### 4.4.7.5. Bayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

- Arahan Perbendaharaan 58(a), memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat Jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut.
- Pada tahun 2013, sejumlah RM0.25 juta telah dibayar di bawah peruntukan Arahan Perbendaharaan 58(a), melibatkan 95 baucar bayaran berbanding RM0.77 juta bagi 152 baucar bayaran pada tahun 2012. Butiran pembayaran di bawah peruntukan Arahan Perbendaharaan 58(a), pada tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 4.18**.

**Jadual 4.18**

**Pembayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) Pada Tahun 2012 Dan 2013**

Bil.	Jabatan	2012		2013	
		Bil. Baucar Bayaran	Jumlah (RM Juta)	Bil. Baucar Bayaran	Jumlah (RM Juta)
1.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan	115	0.68	20	0.04
2.	Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	30	0.05	66	0.18
3.	Dewan Negeri	-	-	5	0.01
4.	Jabatan Lain	7	0.04	4	0.02
<b>Jumlah</b>		<b>152</b>	<b>0.77</b>	<b>95</b>	<b>0.25</b>

Sumber: Laporan SPEKS

- c. Sebahagian besar perbelanjaan adalah untuk bayaran utiliti (air dan elektrik), tuntutan elaun pertukaran dan bayaran rawatan perubatan. Pembayaran di bawah peruntukan Arahan Perbendaharaan 58(a) dibuat antaranya disebabkan bil/tuntutan lewat diterima. Bagaimanapun didapati pembayaran berjumlah RM15,000 melalui 2 baucar bayaran dibayar di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) oleh Jabatan Agama Islam Negeri tanpa memohon kelulusan Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

#### **4.5. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN**

**4.5.1.** Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut Seksyen 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan, bayaran balik pinjaman dan pindahan penerimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air dan kumpulan wang lain yang berkaitan.

**4.5.2.** Pada tahun 2013, sejumlah RM94.09 juta pinjaman telah diterima daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek bekalan air berjumlah RM75.58 juta dan projek pelbagai berjumlah RM18.51 juta. Pinjaman yang diperoleh telah diambil kira dalam akaun ini sebelum dipindahkan kesemuanya ke Kumpulan Wang Pembangunan. Pada akhir tahun 2013, akaun ini tidak mempunyai baki seperti tahun-tahun sebelumnya. Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 4.19**.

**Jadual 4.19**  
**Akaun Pinjaman Disatukan Pada Tahun 2013 Berbanding 2012**

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	0.00	0.00	0.00	0.0
Terimaan	162.57	94.09	-68.48	-42.1
Pindahan	162.57	94.09	-68.48	-42.1
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.0</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

#### **4.6. AKAUN AMANAH DISATUKAN**

**4.6.1.** Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Seksyen 7(c), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Arahan Amanah dan Suratcara Amanah mengenainya di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Pada akhir tahun 2013, baki Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM141.14 juta iaitu meningkat sejumlah RM2.80 juta (2.0%) berbanding RM138.34 juta pada tahun 2012 seperti di **Jadual 4.20**.

**Jadual 4.20**  
**Akaun Amanah Disatukan Pada Tahun 2013 Berbanding 2012**

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:				
i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	-206.53	-112.03	94.50	45.70
• <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	-203.06	-225.86	-22.80	11.2
• <i>Kumpulan Wang Bekalan Air</i>	-217.68	-211.99	5.69	-2.6
• <i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	214.21	325.82	111.61	52.1
ii) Kumpulan Wang Amanah Awam	183.94	129.27	-54.67	-29.7
iii) Akaun Deposit	160.93	123.90	-37.03	-23.0
<b>Jumlah</b>	<b>138.34</b>	<b>141.14</b>	<b>2.80</b>	<b>2.0</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.6.2.** Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2013 telah menunjukkan lebih sejumlah RM94.50 juta menjadikan defisit terkumpul Kumpulan Wang Amanah Kerajaan berjumlah RM112.03 juta berbanding RM206.53 juta pada tahun 2012. Kumpulan Wang Amanah Awam menurun sejumlah RM54.67 juta (29.7%) menjadi RM129.27 juta berbanding RM183.94 juta pada tahun 2012. Akaun Deposit pula menurun sejumlah RM37.03 juta (23.0%) menjadi RM123.90 juta berbanding RM160.93 juta pada tahun 2012.

#### **4.6.3. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan mengikut Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi mengakaunkan terimaan daripada peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu. Kumpulan Wang Amanah ini adalah kumpulan wang pusingan yang mana pembayaran daripada kumpulan wang ini tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Kumpulan Wang Amanah ini disenaraikan dalam Akta Tatacara Kewangan 1957 (Jadual Kedua dan Jadual Ketiga) yang terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

##### **4.6.3.1. Kumpulan Wang Pembangunan**

- a. Kumpulan Wang Pembangunan mengakaunkan terimaan dan perbelanjaan pembangunan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan (Akta 70 Tahun 1966). Punca kewangan bagi kumpulan wang ini terdiri daripada caruman Akaun Hasil Disatukan, pinjaman yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan bagi maksud pembangunan, terimaan imbuhan balik daripada Kerajaan Persekutuan dan pemberian Persekutuan. Kumpulan wang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud seperti yang ditentukan dalam Akta tersebut dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri (DUN) bertujuan untuk membiayai projek pembangunan negeri. Pada akhir tahun 2013, kumpulan wang ini telah menerima sejumlah RM45.29 juta iaitu pindahan sejumlah RM11.07 juta daripada Akaun Hasil Disatukan, RM4.01 juta daripada Terimaan Sewaan Perumahan Awam Kos Rendah

(PAKR), RM1.32 juta daripada Jualan Rumah Kos Rendah dan RM28.89 juta daripada Pemberian Kerajaan Persekutuan.

- b. Pada akhir tahun 2013, Kumpulan Wang Pembangunan telah terlebih dikeluarkan sejumlah RM22.80 juta menyebabkan baki defisit terkumpul kumpulan wang ini meningkat menjadi RM225.86 juta berbanding defisit RM203.06 juta pada tahun 2012. Baki Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.21**.

**Jadual 4.21**  
**Kumpulan Wang Pembangunan Pada Tahun 2013 Berbanding 2012**

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	-188.03	-203.06	-15.03	8.0
Terimaan	50.48	45.29	-5.19	-10.3
Perbelanjaan	65.51	68.09	2.58	3.9
Defisit	-15.03	-22.80	-7.77	51.7
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>-203.06</b>	<b>-225.86</b>	<b>-22.80</b>	<b>11.2</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- c. Baki terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan bagi tempoh 2009 hingga 2013 menunjukkan peningkatan defisit baki terkumpul setiap tahun bermula pada tahun 2010 hingga 2013 seperti di **Jadual 4.22**. Defisit terkumpul pada tahun 2013 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun.

**Jadual 4.22**  
**Kumpulan Wang Pembangunan Bagi Tempoh 2009 Hingga 2013**

Butiran	Tahun				
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	-157.82	-157.77	-172.70	-188.03	-203.06
Terimaan	70.96	59.53	46.08	50.48	45.29
Perbelanjaan	70.91	74.46	61.41	65.51	68.09
Surplus/Defisit	0.05	-14.93	-15.33	-15.03	-22.80
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>-157.77</b>	<b>-172.70</b>	<b>-188.03</b>	<b>-203.06</b>	<b>-225.86</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- d. Perbelanjaan pembangunan pada tahun 2013 telah meningkat sejumlah RM2.58 juta atau 3.9% menjadi RM68.09 juta berbanding RM65.51 juta pada tahun 2012 seperti di **Jadual 4.23**. Pihak Audit mendapati satu Jabatan mengalami peningkatan perbelanjaan yang ketara melebihi 100% iaitu Jabatan Kehakiman Syariah. Peningkatan ini disebabkan oleh pihak Jabatan telah membelanjakan keseluruhan wang yang diperuntukkan bagi kerja-kerja ditapak yang telah bermula dan unjuran perbelanjaan telah dikemukakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya dan kontraktor yang dilantik.

**Jadual 4.23****Perbelanjaan Pembangunan Sebenar Pada Tahun 2013 Berbanding 2012**

Bil.	Jabatan	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Kehakiman Syariah	0.06	0.87	0.81	1,350.0
2.	Jabatan Pertanian	3.00	4.11	1.11	37.0
3.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	0.67	0.86	0.19	28.3
4.	Pejabat Pembangunan Negeri	19.74	21.26	1.52	7.7
5.	Jabatan Perhutanan	2.17	2.30	0.13	6.0
6.	Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	3.72	3.94	0.22	5.9
7.	Jabatan Agama Islam	9.22	9.53	0.31	3.4
8.	Jabatan Kerja Raya	15.68	15.12	-0.56	-3.6
9.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan	5.96	5.38	-0.58	-9.7
10.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	5.29	4.72	-0.57	-10.8
<b>Jumlah</b>		<b>65.51</b>	<b>68.09</b>	<b>2.58</b>	<b>3.9</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.6.3.2. Kumpulan Wang Bekalan Air**

- a. Kumpulan Wang Bekalan Air ditubuhkan di bawah Seksyen 3(1), Akta 230 (Akta Kumpulan Wang Bekalan Air). Tujuan penubuhannya adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan penyenggaraan bekalan air yang berulang dan tidak berulang. Perbelanjaan berulang adalah perbelanjaan yang dilakukan pada setiap tahun yang melibatkan perbelanjaan penyenggaraan. Manakala, perbelanjaan tidak berulang pula merupakan perbelanjaan yang dilakukan mengikut keperluan semasa.
- b. Pada akhir tahun 2013, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sejumlah RM70.35 juta bagi Kumpulan Wang Bekalan Air. Peruntukan yang diterima adalah untuk perbelanjaan bekalan air tidak berulang yang diterima daripada pinjaman Kerajaan Persekutuan. Pada akhir tahun 2013, Kumpulan Wang Bekalan Air mengalami surplus sejumlah RM5.69 juta. Ia menyebabkan baki defisit terkumpul kumpulan wang ini menurun menjadi defisit RM211.99 juta berbanding defisit RM217.68 juta pada tahun 2012 seperti di **Jadual 4.24**. Kumpulan Wang Bekalan Air menunjukkan peningkatan defisit baki terkumpul bagi setiap tahun dari tahun 2009 hingga 2012 dan menurun pada tahun 2013 seperti di **Jadual 4.25**.

**Jadual 4.24****Kumpulan Wang Bekalan Air Pada Tahun 2013 Berbanding 2012**

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	-217.32	-217.68	-0.36	0.2
Terimaan	46.51	75.58	29.07	62.5
Perbelanjaan	46.87	69.89	23.02	49.1
Surplus/Defisit	-0.36	5.69	6.05	-1,680.5
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>-217.68</b>	<b>-211.99</b>	<b>5.69</b>	<b>-2.6</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**Jadual 4.25**  
**Kumpulan Wang Bekalan Air Bagi Tempoh 2009 Hingga 2013**

Butiran	Tahun				
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	-158.29	-168.90	-200.40	-217.32	-217.68
Terimaan	231.14	153.69	146.47	46.51	75.58
Bayaran	241.75	185.19	163.39	46.87	69.89
Defisit	-10.61	-31.50	-16.92	-0.36	5.69
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>-168.90</b>	<b>-200.40</b>	<b>-217.32</b>	<b>-217.68</b>	<b>-211.99</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- c. Pihak Audit mendapati perbelanjaan Kumpulan Wang Bekalan Air meningkat sejumlah RM23.02 juta menjadi RM69.89 juta berbanding RM46.87 juta pada tahun 2012. Perbelanjaan Projek Bekalan Air Pekan mengalami peningkatan perbelanjaan yang ketara pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 iaitu sejumlah RM18.55 juta menjadi RM23.20 juta berbanding RM4.65 juta tahun sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan oleh kontrak yang ditawarkan dalam tahun 2013 berjumlah RM45 juta, maka dengan itu pembayaran interim pada tahun tersebut juga meningkat. Manakala Projek Bekalan Air Kawasan Perindustrian Gebeng mengalami penurunan yang ketara iaitu sejumlah RM9.60 juta menjadi RM0.36 juta berbanding RM9.96 juta pada tahun 2012. Penurunan ini disebabkan oleh pakej kontrak telah siap pembinaan sepenuhnya pada akhir tahun 2012. Dengan itu sejumlah kecil sahaja pembayaran dibuat dalam tahun 2013 iaitu baki bayaran kerja yang perlu dijelaskan.

#### 4.6.3.3. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

- a. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Pada akhir tahun 2013, baki Kumpulan Wang ini meningkat sejumlah RM111.61 juta atau 52.1% menjadi RM325.82 juta berbanding RM214.21 juta pada tahun 2012. Peningkatan ini antaranya disebabkan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri telah dipindahkan dari Kumpulan Wang Amanah Awam ke Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan berjumlah RM128.78 juta. Kedudukan baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan bagi tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.26**.

**Jadual 4.26**  
**Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan Pada Tahun 2013 Berbanding 2012**

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Penyelesaian	105.84	125.64	19.80	18.7
2.	Akaun Pinjaman	80.35	54.26	-26.09	-32.5
3.	Kumpulan Wang Luar Jangka	10.00	10.00	0.00	0.0
4.	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	18.02	135.92	117.90	654.3
<b>Jumlah</b>		<b>214.21</b>	<b>325.82</b>	<b>111.61</b>	<b>52.1</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**b. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri**

Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri diwujudkan bertujuan untuk membiayai kos bagi aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan penyelenggaraan jalan-jalan negeri. Bermula tahun kewangan 2013, Akaun Penyelenggaraan Jalan-jalan Negeri telah dipindahkan ke Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61). Pada tahun 2013, kumpulan wang ini telah menunjukkan peningkatan sejumlah RM40.56 juta atau 46.0% menjadi RM128.78 juta berbanding RM88.22 juta pada tahun 2012. Peningkatan ini disebabkan oleh meningkatnya pemberian daripada Kerajaan Persekutuan sejumlah RM31.63 juta menjadikan keseluruhan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM204.93 juta berbanding RM173.30 juta pada tahun 2012. Manakala perbelanjaan pula menunjukkan penurunan sejumlah RM111.34 juta atau 40.2% menjadi RM165.62 juta berbanding RM276.96 juta pada tahun 2012. Mengikut rekod *Malaysian Road Record Information System* (MARRIS) terdapat 15,295.02 km panjang jalan di Negeri Pahang, merangkumi Jalan Negeri Utama, Jalan Bandaran, Jalan Perumahan dan Lorong Belakang Perumahan. Penyelenggaraan jalan tersebut dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu, jalan yang diselenggara oleh JKR, jalan yang diselenggara oleh PBT dan jalan yang diselenggara oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS). Peratus penggunaan iaitu perbelanjaan berbanding terimaan serta kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri bagi tempoh 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.27** dan **Carta 4.5**.

**Jadual 4.27**


**Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri Bagi Tahun 2009 Hingga 2013**

Tahun	Baki Pada 1 Januari (RM Juta)	Terimaan (RM Juta)	Pelbagai Terimaan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Baki Pada 31 Disember (RM Juta)	Penggunaan (%)
2009	79.50	153.95	0.18	117.52	116.11	76.2
2010	116.11	160.90	1.66	118.42	160.25	72.8
2011	160.25	167.89	0.32	136.74	191.72	81.3
2012	191.72	173.30	0.16	276.96	88.22	159.7
2013	88.22	204.93	1.25	165.62	128.78	80.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**Carta 4.5**

**Kedudukan Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri  
Bagi Tahun 2009 Hingga 2013**




Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

#### 4.6.3.4. Akaun Pendahuluan Dari Kerajaan Persekutuan

- a. Kerajaan Negeri telah menerima pendahuluan daripada Kerajaan Persekutuan sejak tahun 2001 dan diperakaunkan dalam Akaun Pendahuluan Dari Kerajaan Persekutuan. Kedudukan Akaun Pendahuluan Dari Kerajaan Persekutuan bagi tempoh 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Carta 4.6**.

**Carta 4.6**

**Kedudukan Akaun Pendahuluan Dari Kerajaan Persekutuan  
Bagi Tempoh 2009 Hingga 2013**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- b. Pada tahun 2010 hingga 2012 berlaku penurunan baki pendahuluan kerana melibatkan bayaran balik yang dibuat setiap tahun. Bagaimanapun pada tahun 2013, baki akaun ini telah meningkat sejumlah RM32.90 juta menjadi RM115.18 juta

berbanding RM82.28 juta pada tahun 2012. Peningkatan ini disebabkan Wang Pendahuluan sejumlah RM41.00 juta yang telah dikreditkan pada tahun 2012 ke Akaun Kumpulan Wang Amanah Pengelolaan Sukan Malaysia 2012 Pahang telah diselaraskan dan dipindahkan ke Akaun Pendahuluan Dari Kerajaan Persekutuan. Manakala bayaran balik pendahuluan yang dibuat pada tahun 2013 berjumlah RM8.10 juta, adalah termasuk bayaran pendahuluan yang di off-set dengan Geran Tahunan Kerajaan Persekutuan sejumlah RM4.10 juta.

#### **4.6.3.5. Akaun Kena Bayar**

- a. Akaun Kena Bayar (AKB) diwujudkan bagi menyelesaikan tanggungan Kerajaan Negeri kepada pembekal barang dan perkhidmatan yang diperoleh oleh kerajaan sehingga 31 Disember sesuatu tahun dan bayarannya dibuat pada bulan Januari tahun berikutnya. Pada tahun 2013, jumlah AKB ialah RM13.20 juta, menurun sejumlah RM15.26 juta atau 53.6% berbanding RM28.46 juta pada tahun 2012.
- b. Sebanyak 29 Jabatan terlibat dalam pembayaran AKB pada tahun 2013. Lima Jabatan yang menunjukkan jumlah bayaran AKB tertinggi pada tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.28**.

**Jadual 4.28**

**Akaun Kena Bayar Bagi 5 Jabatan Pada Tahun 2013 Berbanding 2012**

Bil.	Jabatan	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Pembangunan Negeri	0.76	1.40	0.64	84.2
2.	Dewan Negeri	0.17	0.29	0.12	70.6
3.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan	4.34	4.46	0.12	2.8
4.	Pejabat Perhutanan Negeri	0.16	0.26	0.10	62.5
5.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri	0.09	0.13	0.04	44.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- c. Antara jenis perbelanjaan yang terlibat ialah bayaran sumbangan Kerajaan Negeri, tuntutan elaun lebih masa, tuntutan perjalanan, bayaran utiliti dan panjar wang runcit. Perbelanjaan AKB bagi tempoh 5 tahun menunjukkan peningkatan dan penurunan berselang setiap tahun bagi tahun 2010 hingga 2013 seperti di **Carta 4.7**. Bayaran di bawah AKB pada tahun 2013 adalah yang terendah dalam tempoh 5 tahun.

**Carta 4.7**  
**Akaun Kena Bayar Bagi Tempoh 2009 Hingga 2013**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

#### 4.6.4. Kumpulan Wang Amanah Awam

**4.6.4.1.** Kumpulan Wang ini ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan sumbangan wang yang diterima daripada orang awam dan organisasi kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan tertentu. Pengurusan kumpulan wang ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan, di mana Pegawai Pengawal yang mengendalikan kumpulan wang ini dikehendaki mengemukakan penyata tahunan untuk pemeriksaan dan pengesahan Audit secepat mungkin selepas 31 Disember setiap tahun dan tidak lewat daripada tarikh 31 Mac tahun berikutnya. Pihak Audit mendapati semua penyata Kumpulan Wang Amanah Awam sebanyak 41 penyata telah diterima untuk diaudit berserta dengan penyata penyesuaianya. Baki kumpulan wang ini pada akhir tahun 2013 berjumlah RM129.27 juta berbanding RM183.94 juta pada tahun 2012, menurun sejumlah RM54.67 juta atau 29.7% seperti di **Jadual 4.29**.

**Jadual 4.29**  
**Kumpulan Wang Amanah Awam Bagi Tahun 2013 Berbanding 2012**

Bil.	Butiran	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Baki Pada 1 Januari	305.27	183.94	-121.33	-39.7
2.	Penerimaan	642.56	539.78	-102.78	-16.0
3.	Pembayaran	763.89	594.45	-169.44	-22.2
<b>Baki Pada 31 Disember</b>		<b>183.94</b>	<b>129.27</b>	<b>-54.67</b>	<b>-29.7</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.6.4.2.** Pada tahun 2013, terdapat 2 Akaun Amanah baru ditubuhkan iaitu Akaun Amanah Kumpulan Wang Caruman Saliran yang diselenggara oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) dan Akaun Amanah Pelbagai yang diselenggara oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri manakala, 5 Akaun Amanah telah ditutup iaitu Akaun Amanah Ganjaran Kepada Tanggungan Pegawai-pegawai Kerajaan Yang Meninggal Dunia Dalam Perkhidmatan, Akaun Amanah Wang Pampasan Pekerja Kebajikan

Masyarakat, Akaun Amanah Wang Pampasan Kecederaan Orang Awam dan Akaun Amanah Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang yang diselenggara oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri serta Akaun Amanah Penggalakan Sains Dan Teknologi yang diselenggara oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Baki kesemua Akaun Amanah tersebut berjumlah RM0.47 juta telah dikreditkan ke Akaun Hasil. Semakan Audit juga mendapati 4 Kumpulan Wang Amanah Awam tidak aktif. Tindakan penutupan Akaun Amanah yang tidak aktif telah dilaksana oleh pusat tanggungjawab yang terlibat. Semakan Audit juga mendapati 4 Kumpulan Wang Amanah Awam tidak aktif seperti di **Jadual 4.30**.

**Jadual 4.30**  
**Kumpulan Wang Amanah Awam Yang Tidak Aktif**

Bil.	Akaun Amanah	Tidak Aktif Semenjak Tahun	Baki (RM)
1.	Kumpulan Wang Amanah Pembaikan Jalan-Jalan JKR Yang Dikorek Oleh Pihak Selain Daripada JKR	1998	433,448
2.	Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Tanah-tanah Terbiar	2009	1,035,108
3.	Akaun Amanah Projek Penangkapan Dan Pemindahan Gajah-gajah Liar	2009	8,574
4.	Akaun Amanah Tabung Pelancongan Daerah Cameron Highlands	2008	2,261
<b>Jumlah</b>			<b>1,479,391</b>

Sumber: Rekod Pejabat Kewangan Dan Perpendaharaan Negeri Dan Pusat Tanggungjawab

#### 4.6.5. Akaun Deposit

**4.6.5.1.** Deposit merupakan wang yang diterima oleh sebuah Jabatan bagi sesuatu maksud mengikut undang-undang atau syarat tertentu dan perlu dikembalikan sebaik sahaja selesai maksudnya. Pengurusan akaun deposit adalah dikawal mengikut Arahan Perpendaharaan 156 hingga 163 yang juga menghendaki Pegawai Pengawal bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan akaun deposit di bawah jagaannya. Pada akhir tahun 2013, Kerajaan Negeri mempunyai 24 jenis deposit yang diselenggarakan oleh 24 Jabatan yang kesemuanya terdiri daripada Deposit Am. Semua akaun deposit tersebut telah diterima berserta dengan penyata penyesuaian.

**4.6.5.2.** Pada akhir tahun 2013, baki akaun deposit berjumlah RM123.90 juta berbanding RM160.93 juta pada akhir tahun 2012, iaitu mencatatkan penurunan sejumlah RM37.03 juta atau 23%. Penurunan yang ketara ditunjukkan oleh Akaun Deposit Cagaran Bekalan Air sejumlah RM34.03 juta. Penurunan ini disebabkan Kerajaan Negeri membuat bayaran balik kepada Pengurusan Air Pahang (PAIP) bagi Akaun Deposit Cagaran Bekalan Air bermula tahun kewangan 2013. Kedudukan baki akaun deposit pada akhir tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 4.31**.

**Jadual 4.31**  
**Baki Deposit Bagi Tahun 2013 berbanding 2012**

Butiran Deposit	Tahun		Perubahan	
	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Deposit Am	160.93	123.90	-37.03	-23.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.6.5.3.** Mengikut Arahan Perbendaharaan 162, deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan kepada pendeposit, hendaklah diwartakan. Sekiranya deposit berkenaan masih tidak dituntut selepas 3 bulan, ia hendaklah dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan. Analisis Audit mendapati sejumlah RM1.06 juta deposit masih belum diwartakan melibatkan pendeposit bagi tahun 1998 hingga 2012 seperti di **Jadual 4.32**. Walau bagaimanapun pada tahun 2013, 8 Jabatan/Pejabat telah membuat pewartaan deposit sejumlah RM1.49 juta dan telah dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan seperti di **Jadual 4.33**.

**Jadual 4.32**  
**Deposit Tidak Dituntut Bagi Tahun 1999 Hingga 2012**

Bil.	Jabatan/Pejabat	Bil. Akaun Deposit	Tahun Tidak Dituntut	Jumlah Deposit (RM)
1.	Pejabat Daerah Dan Tanah Temerloh	3	2009-2012	85,140
2.	Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	2	2008-2010	113,289
3.	Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin	4	2002-2008	4,046
4.	Pejabat Daerah Dan Tanah Raub	1	1998-2010	49,949
5.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	2	1999-2011	807,968
<b>Jumlah</b>				<b>1,060,392</b>

Sumber: Rekod Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri dan Pusat Tanggungjawab

**Jadual 4.33**  
**Pejabat Yang Membuat Pewartaan Deposit**

Bil.	Jabatan/Pejabat	Tarikh Surat Pewartaan	Jumlah Deposit (RM)
1.	Pejabat Daerah Dan Tanah Bera	23.05.2013	11,725
2.	Pejabat Daerah Dan Tanah Raub	18.07.2013	79,806
3.	Pejabat Daerah Dan Tanah Maran	01.08.2013	700
4.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	25.10.2012	43,790
5.	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan	20.12.2012	36,041
6.	Pejabat Daerah Dan Tanah Lipis	04.07.2013	34,091
7.	Jabatan Perhutanan Negeri Pahang	28.02.2013	1,255,006
8.	Pejabat Daerah Dan Tanah Pekan	15.08.2013	32,881
<b>Jumlah</b>			<b>1,494,040</b>

Sumber: Rekod Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri

## 4.7. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

**4.7.1.** Pada tahun 2013, sumber dana Kerajaan Negeri berjumlah RM611.05 juta terdiri daripada hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil. Penggunaan dana bagi membiayai perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan adalah berjumlah RM678.41 juta. Pada tahun 2013, Kerajaan Negeri mengalami kurangan dana sejumlah

RM67.36 juta berbanding lebihan sejumlah RM0.74 juta yang dicatatkan pada tahun 2012. Kurangan tersebut dibiayai dengan Pinjaman Dalam Negeri dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah. Butiran Penyata Prestasi Kewangan adalah seperti di **Jadual 4.34**.

**Jadual 4.34**

**Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012 Dan 2013**

Bil.	Butiran	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	Perubahan (RM Juta)	(%)
1.	<b>Hasil:</b>				
	Hasil Cukai	182.92	175.59	-7.33	-4.0
	Hasil Bukan Cukai	268.02	318.12	50.1	18.7
	Terimaan Bukan Hasil	174.02	117.34	-56.68	-32.6
	<b>Jumlah Hasil</b>	<b>624.96</b>	<b>611.05</b>	<b>-13.91</b>	<b>-2.2</b>
2.	<b>Perbelanjaan:</b>				
	Perbelanjaan Mengurus	558.71	610.32	51.61	9.2
	Perbelanjaan Pembangunan	65.51	68.09	2.58	3.9
	<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>624.22</b>	<b>678.41</b>	<b>54.19</b>	<b>8.7</b>
	<b>Lebihan/Kurangan</b>	<b>0.74</b>	<b>-67.36</b>	<b>-68.10</b>	<b>-9,202.7</b>
3.	<b>Kurangan Dibiayai Oleh:</b>				
	Pinjaman Dalam Negeri	46.51	75.59	29.08	62.5
	Pelbagai Terimaan	35.26	34.22	-1.04	-2.9
	Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	-50.87	16.38	-34.49	67.8
	<b>Jumlah Pembiayaan</b>	<b>30.90</b>	<b>126.19</b>	<b>95.29</b>	<b>308.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.7.2.** Hasil Kerajaan Negeri menunjukkan penurunan sejumlah RM13.91 juta atau 2.2% menjadi RM611.05 juta berbanding RM624.96 juta pada tahun 2012, manakala jumlah perbelanjaan Kerajaan Negeri menunjukkan peningkatan sejumlah RM54.19 juta atau 8.7% menjadi RM678.41 juta berbanding RM624.22 juta pada tahun 2012. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2013 adalah kurang memuaskan kerana mencatatkan defisit sejumlah RM67.36 juta. Kerajaan Negeri perlu mengambil langkah sewajarnya bagi meningkatkan jumlah hasil dan mengurangkan defisit terkumpul.

#### **4.8. PENYATA AKAUN MEMORANDUM**

Penyata Akaun Memorandum adalah penyata yang menunjukkan aset dan liabiliti Kerajaan yang tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Memorandum Aset dan Memorandum Liabiliti. Memorandum Aset menunjukkan sebahagian aset kewangan Kerajaan Negeri iaitu Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan Kerajaan Negeri. Memorandum Liabiliti menunjukkan sebahagian liabiliti Kerajaan Negeri yang terdiri dari Hutang Awam iaitu hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan dan Institusi Kewangan. Mengikut Penyata Akaun Memorandum, pada akhir tahun 2013, Kerajaan Negeri mempunyai aset berjumlah RM1.13 bilion manakala liabiliti pula berjumlah RM3.11 bilion.

#### **4.8.1. Pinjaman Boleh Dituntut**

**4.8.1.1.** Pinjaman Boleh Dituntut adalah merupakan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Agensi yang menggunakan sumber Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2013, baki Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sejumlah RM6.86 juta atau 2.7% daripada RM253.92 juta pada tahun 2012 kepada RM260.78 juta pada tahun 2013. Peningkatan ini disebabkan pemberian pinjaman bagi projek pembinaan bangunan Ibu pejabat Majlis Perbandaran Kuantan berjumlah RM18.51 juta. Baki pinjaman boleh dituntut oleh Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Jadual 4.35**.

**Jadual 4.35**

**Pinjaman Boleh Dituntut Oleh Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 2009 Hingga 2013**

Bil.	Agensi	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	175.24	180.19	181.20	168.84	161.44
2.	Amanah Saham Pahang Berhad	52.02	50.39	61.70	60.19	56.49
3.	Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian	7.45	4.69	0.00	0.00	0.00
4.	Pihak Berkuasa Tempatan	5.89	8.09	19.29	24.89	42.85
<b>Jumlah</b>		<b>240.60</b>	<b>243.36</b>	<b>262.19</b>	<b>253.92</b>	<b>260.78</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.8.1.2.** Pada tahun 2013, Agensi Negeri telah membayar balik pinjaman berjumlah RM13.28 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM8.98 juta telah dijelaskan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang, RM0.60 juta oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan RM3.70 juta oleh Amanah Saham Pahang Berhad (ASPA) serta terdapat lebihan bayaran balik sejumlah RM2.2 juta. Kedudukan bayaran balik pinjaman Agensi pada 31 Disember 2013 adalah seperti di **Jadual 4.36**. Manakala kedudukan bayaran balik pinjaman oleh Agensi bagi tempoh 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.37**.

**Jadual 4.36**

**Bayaran Balik Pinjaman Agensi Pada 31 Disember 2013**

Bil.	Agensi	Tunggakan 01.01.2013 (RM Juta)	Anuiti (RM Juta)	Jumlah Patut Bayar (RM Juta)	Bayaran Balik Dalam Tahun 2013 (RM Juta)	Tunggakan Akhir Tahun 31.12.2013 (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	148.50	8.45	156.95	8.98	147.97
2.	Amanah Saham Pahang Berhad	0.00	1.50	1.50	3.70	-2.20
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	0.00	0.60	0.60	0.60	0.00
<b>Jumlah</b>		<b>148.50</b>	<b>10.55</b>	<b>159.05</b>	<b>13.28</b>	<b>147.97</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**Jadual 4.37****Bayaran Balik Pinjaman Oleh Agensi Kepada Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 2009 Hingga 2013**

Bil.	Agensi	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian	3.50	2.76	5.27	0.00	0.00
2.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	0.00	0.00	0.00	12.50	8.98
3.	Amanah Saham Pahang Berhad	0.65	1.63	1.50	1.50	3.70
4.	Pihak Berkuasa Tempatan	0.50	0.80	0.43	0.79	0.60
<b>Jumlah</b>		<b>4.65</b>	<b>5.19</b>	<b>7.20</b>	<b>14.79</b>	<b>13.28</b>


Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.8.1.3.** Pada akhir tahun 2013, tunggakan bayaran balik pinjaman yang belum dijelaskan oleh Agensi kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM147.97 juta. Jumlah ini terdiri daripada tunggakan bayaran balik pokok berjumlah RM125.56 juta dan tunggakan faedah berjumlah RM22.41 juta. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman bagi tempoh 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.38** dan **Carta 4.8**.

**Jadual 4.38****Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Agensi Kepada Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 2009 Hingga 2013**

Bil.	Agensi	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	160.71	160.71	160.71	148.50	147.97
2.	Amanah Saham Pahang Berhad	59.82	61.19	0.00	0.00	0.00
3.	Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian	5.48	5.27	0.00	0.00	0.00
4.	Pihak Berkuasa Tempatan	1.89	1.60	0.17	0.00	0.00
<b>Jumlah</b>		<b>227.90</b>	<b>228.77</b>	<b>160.88</b>	<b>148.50</b>	<b>147.97</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**Carta 4.8****Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Agensi Bagi Tempoh 2009 Hingga 2013**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

## 4.8.2. Pelaburan

**4.8.2.1.** Pelaburan Kerajaan Negeri bagi tempoh 2009 hingga 2013 menunjukkan trend peningkatan dan penurunan. Pada tahun 2013 penurunan sejumlah RM10 juta adalah disebabkan Pelaburan Berstruktur CIMB Bank telah matang. Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri bagi tempoh 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.39**.

**Jadual 4.39**

Pelaburan Saham Bagi Tempoh 2009 Hingga 2013

Bil.	Perbadanan/Syarikat	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
<b>Pelaburan Am</b>						
1.	Axiata Group Bhd. (Terbitan Bonus – 915,000 Unit)	0.92	-	-	-	-
2.	Felda Global Ventures Holdings Berhad	-	-	-	829.95	829.95
<b>Pelaburan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri</b>						
1.	Teras Dara Konsortium Sdn. Bhd.	0.37	0.38	0.38	0.38	0.38
2.	SAWIRA Sdn. Bhd.	2.87	2.87	2.87	2.87	2.87
3.	Pascorp Paper Industries Bhd.	-	10.07	10.07	10.07	10.07
4.	Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	-	2.10	2.10	2.10	2.10
5.	YTL Corporation Berhad	-	-	-	12.50	12.50
6.	Sentoria Group Berhad	-	-	-	16.10	16.10
7.	CIMB Bank	20.00	20.00	10.00	10.00	-
<b>Jumlah</b>		<b>24.16</b>	<b>35.42</b>	<b>25.42</b>	<b>883.97</b>	<b>873.97</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.8.2.2.** Pada tahun 2013, Kerajaan Negeri menerima dividen sejumlah RM16.40 juta berbanding RM0.94 juta dividen yang diterima pada tahun 2012. Peningkatan ketara ini disebabkan dividen diterima daripada Felda Global Ventures Holdings Berhad sejumlah RM15.50 juta pada tahun 2013. Manakala pada tahun 2012 dividen dikemukakan terus kepada pihak bank pembiaya pinjaman untuk *set off* dengan pinjaman.

## 4.8.3. Hutang Awam

**4.8.3.1.** Hutang Awam Kerajaan Negeri terdiri daripada hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan dan Institusi Kewangan. Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek pembangunan. Kedudukan Hutang Awam Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 4.40**.

**Jadual 4.40**  
**Hutang Awam Pada Tahun 2013 Berbanding 2012**

Bil.	Butiran Pinjaman	Baki Pinjaman		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
<b>Kerajaan Persekutuan</b>					
1.	Projek Bekalan Air	1,817.84	1,890.43	72.59	4.0
2.	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	285.52	285.52	0.00	0.0
3.	Projek Pembangunan Kemajuan Ekonomi Negeri	131.01	127.58	-3.43	-2.6
4.	Projek Pelbagai	333.13	306.04	-27.09	-8.1
<b>Institusi Kewangan (Pelaburan)</b>		500.78	500.78	0.00	0.0
<b>Jumlah</b>		<b>3,068.28</b>	<b>3,110.35</b>	<b>42.07</b>	<b>1.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.8.3.2.** Pada tahun 2013, baki Hutang Awam Kerajaan Negeri meningkat sejumlah RM42.07 juta (1.4%) menjadi RM3,110.35 juta berbanding RM3,068.28 juta pada tahun 2012. Peningkatan ini disebabkan pinjaman yang diterima pada tahun 2013 berjumlah RM91.09 juta bagi membiayai projek bekalan air dan projek pelbagai iaitu projek pembinaan bangunan Ibu pejabat Majlis Perbandaran Kuantan. Manakala bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM11.05 juta telah dijelaskan oleh Kerajaan Negeri bagi projek Pelbagai.

**4.8.3.3.** Kedudukan Hutang Awam Kerajaan Negeri bagi tempoh 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.41** dan **Carta 4.9**. Trend baki Hutang Awam Kerajaan Negeri meningkat setiap tahun iaitu dari RM2,169.02 juta pada tahun 2009 menjadi RM3,110.35 juta pada tahun 2013. Kedudukan pada tahun 2013 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun.

**Jadual 4.41**  
**Hutang Awam Bagi Tempoh 2009 Hingga 2013**

Bil.	Butiran Pinjaman	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
<b>Kerajaan Persekutuan</b>						
1.	Projek Bekalan Air	1,705.39	1,756.22	1,768.47	1,817.84	1,890.43
2.	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	246.85	285.50	285.52	285.52	285.52
3.	Projek Pembangunan Kemajuan Ekonomi Negeri	128.14	130.79	131.36	131.01	127.58
4.	Projek Pelbagai	88.64	109.11	219.45	333.13	306.04
<b>Institusi Kewangan (Pelaburan)</b>		-	-	-	500.78	500.78
<b>Jumlah</b>		<b>2,169.02</b>	<b>2,281.62</b>	<b>2,404.80</b>	<b>3,068.28</b>	<b>3,110.35</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.8.3.4.** Kedudukan tunggakan bayaran balik Hutang Awam Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan bagi tempoh 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.42**. Baki tunggakan bayaran balik Hutang Awam Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan menurun pada tahun 2010 sejumlah RM191.24 juta. Bagaimanapun pada tahun 2011 hingga 2013, baki tunggakan bayaran balik Hutang Awam Kerajaan Negeri masing-masing meningkat semula sejumlah RM95.27 juta, RM99.45 juta dan RM110.53 juta. Tunggakan pada tahun 2013 adalah yang tertinggi bagi tempoh 5 tahun.

**Jadual 4.42**  
**Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam Bagi Tempoh 2009 Hingga 2013**

Bil.	Butiran Pinjaman	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Projek Bekalan Air	255.72	322.37	395.36	477.02	568.06
2.	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	93.99	0.00	14.26	28.53	42.79
3.	Projek Pembangunan Kemajuan Ekonomi Negeri	131.07	18.42	21.05	23.97	28.91
4.	Projek Pelbagai	59.23	7.98	13.37	13.97	14.26
<b>Jumlah</b>		<b>540.01</b>	<b>348.77</b>	<b>444.04</b>	<b>543.49</b>	<b>654.02</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

## 4.9. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota Kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang. Ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan maklumat tambahan lain seperti Akaun Belum Terima, peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

#### 4.9.1. Akaun Belum Terima

**4.9.1.1.** Peraturan mengenai Akaun Belum Terima dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 89A, yang menetapkan setiap Pegawai Pengawal perlu menghantar penyata mengenai apa-apa hasil yang sepatutnya diterima pada 31 Disember ke Akauntan Negeri dengan salinannya ke Jabatan Audit Negara. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 2008, juga menjelaskan dasar dan tatacara Akaun Belum Terima di mana tunggakan hasil adalah sebahagian daripadanya. Selain itu, Surat Arahan Bagi Penutupan Akaun Negeri Pahang Tahun 2013 telah menetapkan juga kewajipan untuk mengemukakan Penyata Akaun Belum Terima. Akaun Belum Terima Negeri Pahang meningkat sejumlah RM10.72 juta atau 20.9% menjadi RM61.92 juta pada tahun 2013 berbanding RM51.20 juta pada tahun 2012. Lima Jabatan mempunyai Akaun Belum Terima yang tinggi adalah seperti di **Jadual 4.43**.

**Jadual 4.43**

Akaun Belum Terima Yang Tinggi Mengikut Jabatan Pada Tahun 2013 Berbanding 2012

Bil.	Jabatan	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan	11.45	16.53	5.08	44.4
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	10.66	10.43	-0.23	-2.2
3.	Pejabat Daerah Dan Tanah Temerloh	4.35	5.87	1.52	34.9
4.	Pejabat Daerah Dan Tanah Bentong	4.87	5.65	0.78	16.0
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	3.96	4.73	0.77	19.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.9.1.2.** Pada tahun 2013 sejumlah RM0.05 juta tunggakan hasil telah dihapuskira bagi Pejabat Daerah Dan Tanah Jerantut. Hapuskira ini melibatkan hasil sewa kantin dan sewa gerai Pembangunan Luar Bandar.

**4.9.1.3.** Kedudukan Akaun Belum Terima Kerajaan Negeri bagi tempoh 2009 hingga 2013 menunjukkan penurunan dan peningkatan berselang bagi tempoh 5 tahun seperti di **Jadual 4.44** dan **Carta 4.10**.


**Jadual 4.44**

Akaun Belum Terima Bagi Tempoh 2009 Hingga 2013

Bil.	Butiran	Tahun				
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
1.	Bekalan Air	17.15	17.63	14.71	0.00	0.00
2.	Sewa Perumahan Awam Kos Rendah	11.67	10.99	10.37	10.63	10.42
3.	Cukai Tanah	33.26	30.63	33.51	35.38	45.81
4.	Lain-Lain Hasil	0.88	3.29	4.05	5.19	5.69
<b>Jumlah</b>		<b>62.96</b>	<b>62.54</b>	<b>62.64</b>	<b>51.20</b>	<b>61.92</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**Carta 4.10**  
**Akaun Belum Terima Bagi Tempoh 2009 Hingga 2013**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.9.1.4.** Tunggakan cukai tanah merupakan 74% daripada jumlah keseluruhan Akaun Belum Terima pada tahun 2013. Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan mencatatkan peningkatan tunggakan yang tertinggi iaitu sejumlah RM5.09 juta atau 44.7% menjadi RM16.47 juta berbanding RM11.38 juta pada tahun 2012. Manakala Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin mencatatkan penurunan sejumlah RM1.57 juta atau 45.6% menjadi RM1.87 juta berbanding RM3.44 juta pada tahun 2012. Butiran tunggakan cukai tanah mengikut Pejabat pada tahun 2013 berbanding 2012 adalah seperti di **Jadual 4.45**.

**Jadual 4.45**  
**Tunggakan Cukai Tanah Mengikut Jabatan Pada Tahun 2013 Berbanding 2012**

Bil.	Jabatan	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan	11.38	16.47	5.09	44.7
2.	Pejabat Daerah Dan Tanah Bera	1.26	3.43	2.17	172.2
3.	Pejabat Daerah Dan Tanah Lipis	1.02	2.65	1.63	159.8
4.	Pejabat Daerah Dan Tanah Temerloh	4.35	5.86	1.51	34.7
5.	Pejabat Daerah Dan Tanah Bentong	4.80	5.59	0.79	16.5
6.	Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands	0.02	0.45	0.43	2,150
7.	Pejabat Daerah Dan Tanah Maran	3.06	3.40	0.34	11.1
8.	Pejabat Daerah Dan Tanah Raub	2.23	2.29	0.06	2.7
9.	Pejabat Daerah Dan Tanah Jerantut	2.28	2.29	0.01	0.4
10.	Pejabat Daerah Dan Tanah Pekan	1.53	1.51	-0.02	-1.3
11.	Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin	3.44	1.87	-1.57	-45.6
<b>Jumlah</b>		<b>35.37</b>	<b>45.81</b>	<b>10.44</b>	<b>29.5</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

## **4.10. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

**4.10.1.** Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada tahun 2013 adalah baik. Baki Kumpulan Wang Disatukan meningkat sejumlah RM3.53 juta menjadi RM334.03 juta berbanding RM330.50 juta pada tahun 2012. Baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan telah meningkat sejumlah RM0.73 juta atau 0.4% menjadi RM192.89 juta pada tahun 2013 berbanding RM192.16 juta pada tahun 2012. Kutipan hasil menurun sejumlah RM13.91 juta atau 2.2%, manakala Akaun Kena Bayar menurun sejumlah RM15.26 juta atau 53.6%. Tunggakan bayaran balik pinjaman boleh dituntut daripada Agensi Negeri pula telah menurun sejumlah RM0.53 juta atau 0.4% dan baki pinjaman boleh dituntut pula meningkat sejumlah RM6.86 juta atau 2.7%. Pelaburan pada tahun 2013 telah menurun sejumlah RM60.00 juta menjadi RM1.10 bilion. Manakala baki Hutang Awam meningkat sejumlah RM42.07 juta atau 1.4% menyebabkan keseluruhan jumlah Hutang Awam pada tahun 2013 berjumlah RM3.11 bilion. Tunggakan bayaran balik Hutang Awam meningkat sejumlah RM110.53 juta atau 20.3% menjadi RM654.02 juta. Akaun Belum Terima/tunggakan hasil pula meningkat sejumlah RM10.72 juta atau 20.9% menjadi RM61.92 juta pada tahun 2013.

**4.10.2.** Bagi tujuan mempertingkatkan prestasi kewangan Kerajaan Negeri, adalah disyorkan supaya Kerajaan Negeri terus mengamalkan perbelanjaan berhemat selaras dengan dasar Kerajaan Negeri dan berusaha lebih untuk mengutip tunggakan bayaran balik pinjaman boleh dituntut yang berjumlah RM147.97 juta pada tahun 2013 daripada Agensi Kerajaan Negeri.



# **BAHAGIAN III**

## **Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri**





# **BAHAGIAN III**

## **RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI**

### **5. PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-10**

**5.1.** Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) Negeri Pahang untuk tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2011 hingga 2015. Rancangan ini digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Negeri Pahang. Ia adalah signifikan ke arah menggerakkan Negeri Pahang untuk mencapai status negeri maju pada tahun 2020.

#### **5.1.1. Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan RMKe-10**

Bagi menjayakan RMKe-10, siling peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM4.08 bilion untuk diagihkan kepada 11 Jabatan Negeri seperti di **Jadual 5.1**. Jabatan yang menerima peruntukan tertinggi ialah Pejabat Kewangan Dan Perpendaharaan Negeri (Projek Bekalan Air) berjumlah RM2.23 bilion atau 54.7% daripada jumlah keseluruhannya.

**Jadual 5.1**  
**Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMKe-10**

Bil.	Jabatan	Peruntukan Yang Diluluskan Untuk RMKe-10 (RM Juta)
1.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	180.20
2.	Pejabat Kewangan Dan Perpendaharaan Negeri	35.70
3.	Jabatan Kerja Raya	1,130.59
4.	Jabatan Perhutanan	41.37
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	30.50
6.	Jabatan Pertanian	80.00
7.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	87.49
8.	Jabatan Agama Islam	150.99
9.	Pejabat Pembangunan Negeri	96.90
10.	Jabatan Kehakiman Syariah	15.00
11.	Pejabat Kewangan Dan Perpendaharaan Negeri (Projek Bekalan Air)	2,230.36
<b>Jumlah</b>		<b>4,079.10</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

#### **5.1.2. Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2013**

Pada tahun 2013, peruntukan yang diluluskan berjumlah RM141.53 juta dan sejumlah RM137.98 juta atau 97.5% daripada jumlah peruntukan telah dibelanjakan oleh 11 Jabatan. Pencapaian perbelanjaan pembangunan di bawah RMKe-10 pada 31 Disember 2013 adalah seperti di **Jadual 5.2**.

**Jadual 5.2**  
**Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMKe-10 Tahun 2013**

Bil.	Jabatan	Peruntukan Tahun 2013 (RM Juta)	Perbelanjaan Tahun 2013 (RM Juta)	Pencapaian (%)
1.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	5.40	5.38	99.6
2.	Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	4.40	3.94	89.5
3.	Jabatan Kerja Raya	15.70	15.12	96.3
4.	Jabatan Perhutanan	2.32	2.30	99.1
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	0.88	0.86	97.7
6.	Jabatan Pertanian	4.13	4.11	99.5
7.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	4.73	4.72	99.8
8.	Jabatan Agama Islam	10.50	9.53	90.8
9.	Pejabat Pembangunan Negeri	22.25	21.26	95.5
10.	Jabatan Kehakiman Syariah	0.87	0.87	100.0
11.	Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri ( Projek Bekalan Air)	70.35	69.89	99.3
<b>Jumlah</b>		<b>141.53</b>	<b>137.98</b>	<b>97.5</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


### 5.1.3. Pencapaian Pelaksanaan Projek RMKe-10 Tahun 2013

**5.1.3.1.** Pada tahun 2013 sebanyak 202 projek telah dirancang untuk dilaksanakan oleh 11 Jabatan. Sehingga akhir tahun 2013, sebanyak 32 projek atau 15.8% telah siap sepenuhnya, manakala 119 projek atau 58.9% sedang dilaksanakan. Sebanyak 51 projek atau 25.2% lagi masih belum dimulakan. Prestasi pelaksanaan projek sehingga akhir tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 5.3** dan di **Carta 5.1**.

**Jadual 5.3**  
**Pencapaian Pelaksanaan Projek RMKe-10 Tahun 2013**

Bil.	Jabatan	Bilangan Projek Dirancang	Projek Siap	Projek Sedang Dilaksanakan	Projek Belum Mula/ Tangguh
1.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	25	11	11	3
2.	Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	5	0	5	0
3.	Jabatan Kerja Raya	36	11	7	18
4.	Jabatan Perhutanan	44	1	25	18
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	13	0	12	1
6.	Jabatan Pertanian	28	1	27	0
7.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	12	0	8	4
8.	Jabatan Agama Islam	16	5	7	4
9.	Pejabat Pembangunan Negeri	5	0	5	0
10.	Jabatan Kehakiman Syariah	3	0	2	1
11.	Projek Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri (Projek Bekalan Air)	15	3	10	2
<b>Jumlah</b>		<b>202</b>	<b>32</b>	<b>119</b>	<b>51</b>

Sumber: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri/Jabatan Negeri



Sumber: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri/Jabatan Negeri

**5.1.3.2.** Sebab utama projek tersebut belum dimulakan kerana 48 projek hanya mempunyai peruntukan *token* RM10, manakala 3 projek lagi belum dimulakan kerana peruntukan untuk 2 projek bagi pembinaan kuarters guru dan masjid dikembalikan oleh agensi pelaksana. Satu lagi projek belum dimulakan kerana tidak mendapat kelulusan. Antara projek yang belum dimulakan adalah seperti di **Jadual 5.4**.

**Jadual 5.4**  
**Antara Projek RMKe-10 Tahun 2013 Yang Masih Belum Dimulakan**

Bil.	Nama Projek	Kos (RM)
<b>Jabatan Agama Islam</b>		
1.	Membina Kuarters Guru Kelas (C) SMA Guai, Temerloh	70,000
2.	Masjid Baru Benta, Lipis	200,000
<b>Jabatan Perhutanan</b>		
3.	Pemantauan Kualiti Air Sungai Dalam Hutan Simpan Kekal	10,000

Sumber: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri/Jabatan Negeri

## 5.2. RUMUSAN

Pada keseluruhannya, pencapaian perbelanjaan pembangunan RMKe-10 tahun 2013 adalah sangat baik kerana sejumlah RM137.98 juta iaitu 97.5% daripada peruntukan yang diluluskan telah dibelanjakan. Bagaimanapun pelaksanaan projek adalah memuaskan kerana sebanyak 32 projek atau 15.8% telah berjaya disiapkan daripada 202 projek yang dirancang manakala 119 projek atau 58.9% dalam pelaksanaan dan 51 projek atau 25.2% masih belum dimulakan.



# **BAHAGIAN IV**

## **Pencapaian Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri**





## **BAHAGIAN IV**

### **PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI**

#### **6. PENDAHULUAN**

**6.1.** Seksyen 15(A), Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan (AP) telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, digunakan dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

**6.2.** Selaras dengan Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengeninya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

#### **7. PENAMBAHBAIKAN/PEMBAHARUAN TERHADAP PENGURUSAN KEWANGAN OLEH JABATAN/AGENSI NEGERI**

**7.1.** Pada tahun 2013, beberapa usaha yang berterusan telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan Kerajaan Negeri. Antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:

**7.1.1.** Penyediaan Buku Nota Ekspres Pengurusan Kewangan Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Pahang bagi memberi rujukan mudah kepada anggota pentadbiran dan kewangan Pejabat SUK berkaitan pengurusan kewangan yang baik dan akauntabiliti.

**7.1.2.** Melaksanakan sistem pengauditan pengurusan kewangan secara dalam talian.

**7.1.3.** Penubuhan Panel Siasatan untuk mengambil tindakan susulan terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara.

**7.1.4.** Melaksanakan kursus kesedaran pengurusan kewangan kepada semua pegawai Pejabat SUK sebanyak 2 kali setahun.

**7.1.5.** Melaksanakan pusingan kerja bagi semua Pembantu Tadbir (Kewangan) bagi memberi pendedahan dan pengalaman kerja baru yang lebih menyeluruh.

**7.1.6.** Arahan Penutupan Akaun Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2013 dikeluarkan bertujuan memastikan semua Pegawai Pengawal/Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) mematuhi peraturan perakaunan yang perlu diikuti bagi urusan Penutupan Akaun Tahun Kewangan 2013.

## 8. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI

8.1. Bagi menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang seperti Perlembagaan serta Akta Audit 1957 serta peraturan yang berkaitan, setiap tahun Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Jabatan/Agenzi Negeri. Bagi jabatan, aspek pengurusan kewangan yang dinilai adalah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit serta Pengurusan Aset Dan Stor. Manakala bagi Perbendaharaan Negeri dan Agenzi pula, selain daripada 6 aspek tersebut, aspek lain yang turut dinilai adalah Kawalan Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman dan Pengurusan Penyata Kewangan. Jabatan/Agenzi Negeri yang diberi tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras (*role model*) kepada Jabatan/Agenzi Negeri yang lain. Secara umumnya, sesuatu Jabatan/Agenzi Negeri diberi tahap pencapaian pengurusan kewangan berdasarkan markah keseluruhan seperti di **Jadual 8.1**.

**Jadual 8.1**  
**Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan**

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 - 100	Sangat Baik	
70 – 89	Baik	
50 – 69	Memuaskan	
49 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

## 8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agenzi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menilai sama ada:

- 8.2.1. Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- 8.2.2. Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan serta pengurusan akaun amanah, aset dan stor, pelaburan serta pinjaman.
- 8.2.3. Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- 8.2.4. Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

### **8.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pada tahun 2013, pengauditan telah dijalankan di 20 Jabatan/Agensi Negeri iaitu 16 Jabatan/Agensi berdasarkan pusingan, manakala pengauditan setiap tahun dilaksanakan terhadap 4 Jabatan/Agensi Negeri iaitu Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan tahun 2013 di peringkat Ibu Pejabat Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 dan Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2012 bagi menentukan kedudukan prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri secara menyeluruh.

### **8.4. KAWALAN UTAMA**

**8.4.1.** Pelaksanaan sistem penarafan bagi Jabatan adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap prestasi kewangan mengikut 6 kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit serta Pengurusan Aset Dan Stor. Bagi Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri dan Agensi Negeri selain 6 kawalan di atas, kawalan terhadap Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman dan Pengurusan Penyata Kewangan juga turut dibuat. Penjelasan lanjut mengenai kawalan-kawalan tersebut adalah seperti berikut:

#### **8.4.1.1. Kawalan Pengurusan**

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesaan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

##### **a. Struktur Organisasi**

Bagi mewujudkan struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i. Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini sepermulaan yang ditetapkan oleh Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.
- ii. Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had-had kuasa dan tugas-tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2), Akta Tatacara Kewangan 1957, AP 11, 69 dan 101 adalah berkaitan.

- iii. Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.
- iv. Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeliling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi melahirkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

**b. Sistem Dan Prosedur**

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- i. Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- ii. Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan memiliki semua 14 ciri asas Fail Meja yang ditetapkan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- iii. Pemeriksaan mengejut (seperti yang ditetapkan di bawah AP 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna bagi menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

**c. Penubuhan Jawatankuasa Dan Unit Audit Dalam**

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan dan pentadbiran ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agenzi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui pekeliling, arahan dan garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan pelbagai jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan juga telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

### **i. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun**

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap PTJ supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun Jabatan/Agenzi Negeri. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 2008 menetapkan, Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah melantik seorang Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

### **ii. Unit Audit Dalam**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Jabatan/Agenzi Negeri bagi membantu Ketua Jabatan memantapkan pencapaian pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Jabatan masing-masing selewat-lewatnya pada 31 Januari, membentangkan Laporan Audit Dalam semasa Mesyuarat JPKA dan mengemukakan Laporan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Jabatan selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Manakala tanggungjawab Ketua Jabatan adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

### **d. Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus**

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009, Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) hendaklah ditubuhkan di peringkat Persekutuan dan Negeri sebagai pengukuhan kepada Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) yang telah digerakkan sejak tahun 1998. Usaha ini adalah sebagai kesinambungan strategi dan pendekatan secara menyeluruh kepada usaha-usaha penghayatan nilai-nilai murni, pemantapan integriti, pemberantasan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam kalangan pegawai badan awam. Antara lain, Setiausaha Kerajaan Negeri/Ketua Jabatan hendaklah melantik ahli-ahli jawatankuasa dan mempengerusikan mesyuarat berkenaan; bermesyuarat setiap 4 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan; menyediakan laporan setiap 4 bulan dengan lengkap dan seterusnya mengemukakannya kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

## **e. Pengurusan Sumber Manusia**

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberikan kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga digalakkan memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang cemerlang dan mengambil tindakan tatatertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

### **8.4.1.2. Kawalan Bajet**

Bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 6 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah peruntukan, pemantauan kemajuan projek, pelaporan dan analisis bajet mengenainya seperti berikut:

#### **a. Penyediaan Bajet**

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Jabatan/Agensi Negeri dikeluarkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Pahang Bil. 1 Tahun 2012 (Garis Panduan Penyediaan Cadangan Anggaran Bajet Tahun 2013 Dan 2014). Perjanjian Program pada tahun 2013 - 2014 yang kemas kini perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri tidak lewat dari 15 Jun 2012. Selain itu, AP 29 hingga 52 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara-perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan; ketepatan anggaran; prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agensi Negeri serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri.

#### **b. Pengagihan Peruntukan**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2007 antara lainnya menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang-pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

**c. Kelulusan Pindah Peruntukan**

Peraturan kewangan mengenai pindah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat pada tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemaskinikan akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diurus dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

**d. Pemantauan Kemajuan Projek**

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemaskinikan dalam Sistem Pemantauan Projek II atau kaedah lain yang diterima pakai, impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 5 tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

**e. Pelaporan**

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan Program Dan Prestasi. Laporan-laporan ini perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan laporan mengenai keperluan aliran wang tunai yang disahkan olehnya kepada Pegawai Kewangan Negeri. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan-laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

**f. Analisis Bajet**

Arahan Perbendaharaan 18(i), menetapkan perbelanjaan bagi sesuatu program dan aktiviti atau projek tertentu yang ditunjukkan dalam Anggaran hendaklah tidak melebihi jumlah yang dibenarkan bagi tiap-tiap maksud perbelanjaan tersebut. Manakala Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri telah mengeluarkan

arahan pada 31 Disember 2008 kepada semua Pegawai Pengawal supaya memastikan perbelanjaan awam dibuat dengan cermat dan berhemat. Oleh itu, pelaksanaan sesuatu program/aktiviti/projek hendaklah selaras dengan jumlah peruntukan yang diluluskan.

#### **8.4.1.3. Kawalan Terimaan**

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

##### **a. Kawalan Borang Hasil**

Kawalan terhadap penggunaan pelbagai borang hasil seperti buku resit adalah penting bagi memastikan ia tidak disalahgunakan.

##### **b. Penerimaan Wang**

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh Arahan Perbendaharaan bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/ kelulusan menerima kutipan, kawalan penerimaan melalui mel dan penerimaan wang di kaunter.

##### **c. Kemasukan Pungutan Ke Bank**

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank; kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya; semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

##### **d. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil**

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan oleh Arahan Perbendaharaan dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri; ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai yang diselenggarakan oleh Jabatan Negeri. Bagi Agensi Negeri yang mempunyai Garis Panduan Pengurusan Kewangan Dan Akaun atau Dokumen

Kualiti, semakan Audit juga telah dijalankan terhadap pematuhan peraturan kawalan perakaunan terimaan/hasil yang telah ditetapkan.

**e. Akaun Belum Terima**

Dasar dan tatacara bagi penyelenggaraan serta pelaporan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008 dan beberapa Arahan Perbendaharaan. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan Akaun Belum Terima adalah penyediaan Penyata Tunggakan Hasil atau Penyata Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini; penyerahan Penyata Akaun Belum Terima kepada Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

**8.4.1.4. Kawalan Perbelanjaan**

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

**a. Perakaunan**

Semakan Audit dijalankan bagi menentukan Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi Negeri adalah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan.

**b. Pengurusan Perolehan**

Setiap tahun, Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan pengurusan perolehan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit dibuat terhadap pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, kontrak dan kontrak pusat.

**c. Pengurusan Bayaran**

Semakan Audit dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran; kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas; penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan daftar bil; bayaran pukal serta panjar wang runcit.

#### **8.4.1.5. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit**

Pengurusan dan kawalan terhadap Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeliling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan kumpulan wang seperti berikut:

##### **a. Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah**

Tatacara pengurusan akaun amanah ditetapkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 18 Tahun 2001. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan penyata tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

##### **b. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman**

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri/pelbagai mengikut Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan seperti berikut:

- i. Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 dan 8 Tahun 1993 serta Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 2008.
- ii. Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992.
- iii. Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan oleh Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1993.
- iv. Pendahuluan pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 1990.

##### **c. Pengurusan Akaun Deposit**

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui AP 156 hingga 163. Manakala, Agensi Negeri yang mempunyai peraturan kewangan dan perakaunan sendiri, pengurusan akaun deposit perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

#### **8.4.1.6. Pengurusan Aset Dan Stor**

Perolehan aset dan stor yang diperoleh untuk kegunaan pejabat perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan berlaku pembaziran dan penyalahgunaan. Sehubungan itu, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dan Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan berhubung dengan perkara-perkara berikut:

##### **a. Kawalan Umum**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat. Unit tersebut diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang diwujudkan, menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan mengenainya. Selain itu, Pegawai Pengawal perlu melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap pusat tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

##### **b. Penerimaan**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset yang diterima. Tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum membuat pengesahan penerimaan. Bagi membolehkan Pegawai Penerima membuat rujukan, satu salinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh pegawai ini. Bagi penerimaan bekalan pejabat pula, Borang Terima Barang perlu disahkan dan direkodkan pada Kad Kawalan Stok dan Kad Petak. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan hendaklah disediakan, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraan.

##### **c. Pendaftaran**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut perlu dilabelkan dengan tanda Hak Milik Kerajaan dan nombor siri pendaftaran.

#### **d. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset**

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan-peraturan seperti berikut yang ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi:

- i. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan aset diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset dan barang-barang stor perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab. Selain itu setiap pengeluaran barang-barang dari stor hendaklah dalam keadaan teratur selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009.
- ii. Pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya 2 Pegawai Pemeriksa/Pemverifikasi Stok dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun dan verifikasi stok dilaksanakan satu tahun sekali sebelum berakhir pada 31 Disember. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri di mana berkenaan. Manakala Laporan Pemeriksaan/Verifikasi Stok dilengkapkan dan dihantar kepada Ketua Jabatan.
- iii. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 menetapkan penggunaan kenderaan Jabatan/Agensi Negeri dikawal dengan melantik seorang Pegawai Pengangkutan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan bagi mengawal kegunaan bahan api.
- iv. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996 pula menetapkan penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan.
- v. Selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1999, Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.

- vi. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1999 menetapkan kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

**e. Penyenggaraan Aset**

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i. Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini; jadual penyenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang; penyenggaraan direkodkan dengan betul dan lengkap; program penyenggaraan dinilai dan penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 adalah berkaitan.
- ii. Kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 dipatuhi. Pekeliling ini menetapkan kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual, manakala kos penyenggaraan dan pemberian perlu direkodkan dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

**f. Pelupusan**

Bagi memastikan pelupusan aset dan stok diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i. Lembaga Pemeriksa Aset hendaklah dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun, manakala bagi pelupusan stok bernilai rendah pula 2 pegawai Pemeriksa Stok hendaklah dilantik yang tidak terlibat secara langsung dengan pengurusan stok berkenaan. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh satu bulan daripada tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- ii. Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrikal dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset disahkan oleh 2 pegawai yang mempunyai 3 tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan.
- iii. Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada

pihak yang memberi kelulusan. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan.

#### **g. Kehilangan Dan Hapus Kira**

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i. Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Ketua Pejabat menyediakan Laporan Awal dan salinan Laporan Polis serta dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Satu salinan Laporan Awal dikemukakan kepada Pegawai Pengawal, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- ii. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh 2 bulan daripada tarikh lantikan Jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperoleh. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal dalam tempoh 4 bulan daripada tarikh Laporan Awal dihantar. Manakala Laporan Hapuskira Kekurangan Stok perlu dikemukakan kepada Pegawai Pengawal. Laporan Tahunan Kehilangan dan Hapuskira pula perlu dikemukakan kepada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri.

#### **8.4.1.7. Pengurusan Pelaburan**

Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi suatu tempoh masa untuk memperoleh pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

#### **8.4.1.8. Pengurusan Pinjaman**

Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dimohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam,

penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan dan mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman.

#### **8.4.1.9. Penyata Kewangan**

Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Pahang Bil. 12 Tahun 2008, menghendaki Agensi Negeri mengemukakan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 30 April setiap tahun. Ia bagi membolehkan Penyata Kewangan dan laporan tahunan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di Pejabat Kewangan Dan Perpendaharaan Negeri serta Agensi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai pencapaian Agensi Negeri yang lebih jelas, lengkap dan relevan.


### **8.5. PENEMUAN AUDIT**

#### **8.5.1. Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan**

Pada tahun 2013, sebanyak 20 Jabatan/Agensi Negeri telah diaudit iaitu 16 Jabatan/Agensi mengikut pusingan sekali dalam 3 tahun manakala 4 Jabatan/Agensi Negeri diaudit setiap tahun. Hasil pengauditan mendapati pada keseluruhannya prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2013 adalah baik di mana 11 Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit mencapai tahap sangat baik berbanding 7 pada tahun 2012. Jabatan/Agensi Negeri yang mencapai tahap sangat baik ialah Majlis Daerah Cameron Highlands; Pejabat Tanah Dan Galian; Pejabat SUK; Pejabat Kewangan Dan Perpendaharaan Negeri; Jabatan Perhutanan; Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian; Majlis Perbandaran Kuantan; Pejabat Daerah Dan Tanah Temerloh; Jabatan Kebajikan Masyarakat, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Majlis Daerah Rompin. Manakala, 7 Jabatan/Agensi Negeri memperoleh tahap baik berbanding 12 pada tahun 2012. Bagaimanapun, terdapat 2 Jabatan/Agensi Negeri berada pada tahap memuaskan. Tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2013 adalah seperti di **Carta 8.1** manakala kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi tempoh 2009 hingga 2013 secara keseluruhan adalah seperti di **Jadual 8.2**.

**Carta 8.1**

**Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti  
Jabatan/Agenzi Negeri Pada Tahun 2013**



Sumber: Jabatan Audit Negara

**Jadual 8.2**

**Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agenzi Negeri  
Bagi Tempoh 2009 Hingga 2013**

Tahap Penarafan	Jabatan/Agenzi Negeri				
	2009	2010	2011	2012	2013
Sangat Baik	1	2	4	7	11
Baik	16	16	11	12	7
Memuaskan	1	4	0	0	2
Tidak Memuaskan	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>18</b>	<b>22</b>	<b>15</b>	<b>19</b>	<b>20</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

## **8.5.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama**

### **8.5.2.1. Jabatan Negeri**

Semakan Audit terhadap 6 elemen kawalan pengurusan kewangan bagi 8 Jabatan (tidak termasuk Pejabat Kewangan Dan Perpendaharaan Negeri) pada tahun 2013 mendapati Pejabat Tanah Dan Galian telah mencapai tahap sangat baik dalam kesemua elemen kawalan. Pejabat Daerah Dan Tanah Rompin pula berada pada tahap memuaskan bagi elemen Pengurusan Aset Dan Stor. Manakala, kesemua Jabatan mendapat tahap sangat baik bagi elemen Kawalan Terimaan. Elemen kawalan yang lain bagi pengurusan kewangan Jabatan didapati bertambah baik berbanding tahun 2013. Tahap pematuhan pengurusan kewangan mengikut kawalan bagi Jabatan pada tahun 2013 adalah seperti di **Carta 8.2**.




**8.5.2.2.** Antara kelemahan yang ditemui berkaitan Pengurusan Aset Dan Stor adalah seperti berikut:

- i. Keanggotaan Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan tidak dipatuhi.
- ii. Laporan Pemeriksaan Inventori (KEW.PA-11), Sijil Tahunan Pemeriksaan Harta Modal Dan Inventori (KEW.PA-12) dan Laporan Kedudukan Stok (KEW.PS-13) tidak disediakan.
- iii. Aset tidak dilabel nombor siri pendaftaran dan Hak Kerajaan.

- iv. Kad Kawalan Stok (KEW.PS-3), Kad Petak (KEW.PS-4) dan Borang Permohonan Stok (KEW.PS-11) tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
- v. Pemeriksaan ke atas inventori tidak dijalankan.
- vi. Pegawai Pemverifikasi Stor tidak dilantik.
- vii. Buku Log Kenderaan tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
- viii. Program penyenggaraan aset tidak disediakan dan penyenggaraan tidak dilaksanakan.

#### **8.5.2.3. Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Dan Agensi Negeri**

Hasil semakan Audit terhadap 9 elemen kawalan pengurusan kewangan di Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri dan 11 Agensi Negeri pada tahun 2013 adalah seperti di **Carta 8.3**.



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: 2 Agensi Tidak Berkaitan Bagi Kawalan Pengurusan Pelaburan

4 Agensi Tidak Berkaitan Bagi Kawalan Pengurusan Pinjaman

- a. Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri dan 5 Agensi mendapat tahap sangat baik dalam Kawalan Pengurusan. Manakala 6 Agensi lain mencapai tahap baik dalam kawalan ini.


- b. Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri dan 7 Agensi mendapat tahap sangat baik dalam Kawalan Bajet. Manakala 3 Agensi lain memperoleh tahap baik. Sementara itu, hanya satu Agensi mendapat tahap tidak memuaskan kerana permohonan pindah peruntukan tidak dibuat secara bertulis dan pindah peruntukan tidak dikemaskini ke dalam Buku Vot.
- c. Bagi Kawalan Terimaan, Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri dan 8 Agensi berada pada tahap sangat baik manakala 3 Agensi lain pula mencapai tahap baik.
- d. Tahap pencapaian sangat baik juga dicapai oleh Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri dan Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian dalam Kawalan Perbelanjaan. Manakala semua Agensi lain memperoleh tahap baik.
- e. Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri dan 4 Agensi memperoleh tahap sangat baik dalam Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit. Manakala 2 Agensi memperoleh tahap baik dan satu Agensi memperoleh tahap memuaskan. Sementara itu, 4 Agensi memperoleh tahap tidak memuaskan kerana Lejar Am Deposit dan Lejar Subsidiari tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini; Penyesuaian antara Lejar Am Deposit dengan Lejar Subsidiari tidak dibuat pada setiap bulan, bayaran balik deposit tidak direkodkan ke dalam Lejar Am Deposit dan deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan serta tidak diperlukan tidak diwartakan.
- f. Dua Agensi mendapat tahap sangat baik dalam Pengurusan Aset Dan Stor. Manakala Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri dan 4 Agensi mencapai tahap baik dan 3 Agensi lain mendapat tahap memuaskan. Sementara itu, 2 Agensi memperolehi tahap tidak memuaskan kerana keanggotaan Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan tidak dipatuhi; Unit Pengurusan Aset tidak ditubuhkan; Pegawai Penerima aset tidak dilantik; pendaftaran aset dan stok tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini; aset tidak dilabel Hak Milik Agensi dan nombor siri pendaftaran; pemeriksaan dan verifikasi aset dan stok tidak dijalankan. Selain itu, kawalan kenderaan juga tidak dipatuhi sepenuhnya seperti Buku Log Kenderaan, Buku Rekod Pergerakan Kad Inden Minyak dan Daftar Penggunaan *Touch n Go* tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini dan program serta penyenggaraan aset tidak dilaksanakan.
- g. Bagi Pengurusan Pelaburan, Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri dan 8 Agensi mencapai tahap sangat baik. Manakala satu Agensi lagi memperoleh tahap tidak memuaskan. Antara kelemahan Pengurusan Pelaburan ialah Jawatankuasa Pelaburan tidak ditubuhkan dan peraturan mengenai pelaburan tidak dipatuhi sepenuhnya. Sementara itu, 2 Agensi tidak terlibat dalam aktiviti pelaburan.

- h. Pengurusan Pinjaman adalah pada tahap sangat baik bagi Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri serta 7 Agensi. Manakala 4 Agensi tidak terlibat dalam aktiviti pinjaman.
- i. Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri dan 8 Agensi telah mencapai tahap sangat baik dalam aspek Pengesahan Penyata Kewangan. Dua Agensi lain berada di tahap baik manakala satu Agensi berada pada tahap memuaskan.

### **8.5.3. Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Bagi Jabatan/Agenzi Negeri Yang Diaudit Setiap Tahun**

**8.5.3.1.** Analisis Audit terhadap 4 Jabatan/Agenzi Negeri yang dilaksanakan pengauditan setiap tahun bagi tempoh 2009 hingga 2013 menunjukkan Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri, Pejabat SUK dan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang masih kekal pada tahap sangat baik pada tahun 2013. Prestasi Pejabat SUK bertambah baik, bagaimanapun prestasi Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri dan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang menurun tetapi tidak ketara. Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang pula masih memperoleh tahap baik bagi tempoh 2010 hingga 2013. Bagaimanapun, tahap prestasi pengurusan kewangan menurun berbanding tahun sebelumnya. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agenzi Negeri yang diaudit setiap tahun bagi tempoh 2009 hingga 2013 adalah seperti di **Carta 8.4**.

**Carta 8.4**  
**Kedudukan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agenzi Negeri Yang Diaudit Setiap Tahun Bagi Tempoh 2009 Hingga 2013**




Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Pengauditan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bermula pada tahun 2010

#### 8.5.4. Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

Analisis Audit terhadap 16 Jabatan/Agensi Negeri (tidak termasuk 4 Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit setiap tahun) yang telah dilaksanakan pengauditan 2 kali bagi tempoh 2010 dan 2013, manakala bagi Majlis Perbandaran Kuantan telah dilaksanakan pengauditan 2 kali bagi tempoh 2011 dan 2013 mendapat 14 Jabatan/Agensi Negeri atau 87.5% meningkat tahap prestasi pengurusan kewangan masing-masing. Manakala 2 Jabatan/Agensi Negeri atau 12.5% mengalami penurunan iaitu Majlis Perbandaran Bentong dan Lembaga Muzium Negeri Pahang. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2013 berbanding pengauditan tahun sebelumnya adalah seperti di **Carta 8.5**.



Sumber: Jabatan Audit Negara

#### 8.6. PEMERIKSAAN AUDIT MENGEJUT

Arahan Perbendaharaan 309 menetapkan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan telah menyimpan wang awam, setem atau barang berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-

bekas lain. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Untuk menentukan sejauh mana peraturan ini dipatuhi, Jabatan Audit Negara Negeri Pahang telah menjalankan Pemeriksaan Audit Mengejut di 17 Jabatan/Agensi Negeri dan mendapati beberapa kelemahan/ketidakpatuhan terhadap peraturan pengurusan kewangan. Ketua Jabatan/Agensi Negeri yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang diperhatikan dan mereka telah diminta untuk mengambil tindakan pembetulan dengan sewajarnya. Kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di **Jadual 8.3**.

### **Jadual 8.3**

#### **Penemuan Pemeriksaan Audit Mengejut Tahun 2013**

<b>Bil.</b>	<b>Jabatan/Agensi Negeri</b>	<b>Penemuan Audit</b>
1.	Pejabat Hutan Daerah Temerloh/Bera	i. Daftar Setem tidak dikemaskini. ii. Pemeriksaan Mengejut ke atas setem pos tidak dibuat.
2.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	i. Seorang daripada 2 pegawai yang memungut hasil tidak diberi surat penurunan kuasa secara bertulis. ii. Daftar Setem tidak diselenggarakan.
3.	Majlis Daerah Raub	i. Perakuan resit rasmi Kew. 38 tidak dibuat pada belakang helaian pertama salinan pejabat. ii. Terimaan dan pengeluaran setem pos/ <i>franking</i> tidak disahkan oleh Ketua Jabatan. iii. Kunci peti besi dipegang oleh seorang pegawai sahaja. iv. Pemeriksaan Mengejut tidak dijalankan. v. Buku Vot Elektronik tidak di cetak setiap bulan .
4.	Pejabat Pertanian Maran	i. Resit Perbendaharaan lewat diterima. ii. Notis Pemberitahuan Awam untuk mendapatkan resit setelah wang dibayar tidak dipamerkan. iii. Terimaan dan pengeluaran setem pos/ <i>franking</i> tidak disahkan oleh Ketua Jabatan.
5.	Majlis Perbandaran Bentong	i. Perakuan resit rasmi Kew. 38 tidak dibuat pada belakang helaian pertama salinan pejabat. ii. Buku Tunai Panjar Wang Runcit tidak dikemaskini iii. Terimaan dan pengeluaran setem pos/ <i>franking</i> tidak disahkan oleh Ketua Jabatan. iv. Peti besi tidak digunakan untuk menyimpan resit/borang hasil. v. Pemeriksaan Mengejut tidak dijalankan. vi. Surat penurunan kuasa pegawai yang meluluskan pesanan tempatan tidak dikemukakan kepada pihak Audit vii. Buku Vot Elektronik tidak dicetak pada setiap bulan.
6.	Pejabat Pertanian Bukit Goh, Kuantan	i. Kutipan Hasil yang belum sempat dibankkan tidak disimpan di dalam peti besi. ii. Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan. iii. Stok resit tidak disimpan di dalam peti besi. iv. Pemeriksaan Mengejut tidak dilakukan.
7.	Majlis Daerah Maran	i. Semakan ke atas cetakan bank di slip bank tidak dibuat. ii. Resit Kew.38 tidak diselenggara dengan lengkap dan kemaskini dalam Daftar Borang Hasil. iii. Buku Tunai Panjar Wang Runcit tidak dikemaskini.

<b>Bil.</b>	<b>Jabatan/Agenzi Negeri</b>	<b>Penemuan Audit</b>
8.	Pejabat Agama Islam Muadzam Shah	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Semakan terhadap slip bank tidak dibuat.</li> <li>ii. Surat kelulusan Panjar Wang Runcit tidak dikemukakan untuk pemeriksaan Audit.</li> <li>iii. Buku Tunai Panjar Wang Runcit tidak dikemukakan untuk tujuan pengauditan.</li> <li>iv. Terdapat perbezaan baki antara stok setem sebenar dan Daftar Setem.</li> <li>v. Terimaan dan pengeluaran setem tidak disahkan oleh Ketua Pejabat.</li> <li>vi. Surat Kuasa memegang kunci kabinet besi tidak dikeluarkan kepada pegawai yang bertanggungjawab.</li> <li>vii. Daftar Pemeriksaan Mengejut tidak dikemukakan untuk semakan Audit.</li> </ul>
9.	Pejabat Agama Islam Daerah Kuantan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Resit tidak dikemukakan untuk semakan Audit.</li> <li>ii. Jumlah kutipan dibankkan dengan segera tidak dapat disahkan kerana penyata harian tidak dikemukakan untuk semakan Audit.</li> <li>iii. Tiada bukti semakan ke atas cetakan bank di slip masuk bank.</li> <li>iv. Kutipan yang tidak sempat dibankkan tidak dapat disahkan kerana penyata harian tidak dikemukakan untuk semakan Audit.</li> <li>v. Notis Pemberitahuan Awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar tidak dipamerkan.</li> <li>vi. Buku Panjar Wang Runcit tidak dikemukakan untuk semakan Audit.</li> <li>vii. Daftar Setem tidak disemak oleh Ketua Pejabat.</li> <li>viii. Daftar Pemeriksaan Mengejut tidak diselenggarakan.</li> <li>ix. Fail Penurunan Kuasa tidak dikemukakan untuk semakan Audit</li> <li>x. Pesanan Kerajaan lewat dikeluarkan.</li> <li>xi. Daftar Bil tidak dikemukakan untuk semakan Audit.</li> <li>xii. Buku Vot Elektronik tidak dikemukakan untuk semakan Audit.</li> </ul>
10.	Pusat Perkhidmatan Veterinar Jengka	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Resit rasmi bagi kutipan hasil berjumlah RM1,154 tidak dikeluarkan.</li> <li>ii. Kutipan hasil tidak direkod ke dalam Buku Tunai dengan segera.</li> <li>iii. Kutipan tidak dibankkan dengan segera</li> <li>iv. Kutipan yang tidak sempat dibankkan, disimpan oleh pegawai yang bertanggungjawab kerana ketidaan peti besi.</li> <li>v. Notis Pemberitahuan Awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar tidak dipamerkan.</li> <li>vi. Pemeriksaan Mengejut tidak dijalankan.</li> <li>vii. Hasil sewaan diakaunkan ke dalam Akaun Kelab.</li> <li>viii. Resit rasmi tidak dikeluarkan kepada pembayar bagi terimaan rawatan dan ubatan.</li> </ul>
11.	Pejabat Agama Islam Daerah Bentong	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Resit rasmi Perbendaharaan lewat diterima.</li> <li>ii. Tiada bukti penerimaan yang menunjukkan sejumlah 7 orang penerima bagi wang untuk dibahagi-bahagikan.</li> <li>iii. Daftar pembayaran wang untuk dibahagi-bahagikan tidak disemak.</li> </ul>

<b>Bil.</b>	<b>Jabatan/Agenzi Negeri</b>	<b>Penemuan Audit</b>
12.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Bera	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Daftar Borang Hasil tidak diselenggara.</li> <li>ii. Perakuan resit rasmi tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat.</li> <li>iii. Baki stok hasil tidak dapat dipastikan kerana Daftar Borang Hasil tidak diselenggara.</li> <li>iv. Notis Pemberitahuan Awam untuk mendapat resit rasmi setelah wang dibayar tidak dipamerkan.</li> <li>v. Terdapat perbezaan stok sebenar setem dengan Daftar Setem.</li> </ul>
13.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Buku Tunai Panjar Wang Runcit tidak diseimbangkan setiap hujung bulan.</li> <li>ii. Butiran hasil pemeriksaan mengejut yang dibuat tidak direkod dengan lengkap di dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut.</li> <li>iii. Terdapat baucar bayaran tidak dicop "TELAH BAYAR".</li> <li>iv. Terdapat bil yang dibayar melebihi 14 hari.</li> <li>v. Daftar Bil tidak diselenggara dengan kemaskini.</li> </ul>
14.	Majlis Perbandaran Temerloh	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tiada bukti semakan dibuat ke atas slip masuk bank .</li> <li>ii. Daftar Kad Kredit bagi kutipan hasil tidak diselenggara.</li> <li>iii. Jumlah pelaburan di Daftar Pelaburan tidak dikemaskini.</li> <li>iv. Jumlah amaun pelaburan di Sijil Pelaburan dan penyata bank tidak sama dengan Daftar Pelaburan.</li> </ul>
15.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Temerloh	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Daftar Borang Hasil tidak dikemaskini.</li> <li>ii. Terdapat perbezaan antara baki stok resit hasil sebenar dengan Daftar Borang Hasil.</li> <li>iii. Daftar Setem tidak diselenggara dengan kemaskini.</li> <li>iv. Peti Besi hanya mempunyai satu anak kunci sahaja.</li> <li>v. Pegawai yang memegang kunci peti besi tidak diberi surat kuasa secara bertulis.</li> <li>vi. Pemeriksaan Mengejut dibuat tidak meliputi borang hasil yang belum digunakan.</li> </ul>
16.	Lembaga Pembangunan Tioman	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Daftar Borang Hasil tidak dikemaskini</li> <li>ii. Perakuan resit rasmi tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat.</li> <li>iii. Terdapat perbezaan antara baki stok setem dengan baki di Daftar Setem.</li> <li>iv. Semua penerimaan dan pengeluaran setem tidak disahkan oleh Ketua Pejabat.</li> <li>v. Peti Besi tidak dicantum ke rangka bangunan.</li> <li>vi. Masa pemeriksaan mengejut yang dijalankan tidak dicatat dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut.</li> </ul>
17.	Mahkamah Rendah Syariah Bentong	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Dua resit Kew.38 tidak dikeluarkan kepada pembayar.</li> <li>ii. Resit Kew. 38 tidak dikeluarkan secara bersiri.</li> <li>iii. Perakuan resit rasmi Kew. 38 tidak dibuat pada belakang helaian pertama salinan pejabat.</li> </ul>

Sumber: Jabatan Audit Negara

## 9. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agenzi Negeri pada tahun 2013 menunjukkan peningkatan, namun bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan ini, adalah disyorkan supaya Jabatan/Agenzi Negeri mengambil tindakan berikut:

**9.1.** Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan Jawatankuasa Audit membincangkan secara terperinci isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam serta memastikan tindakan *corrective* dan *preventive* diambil. Tindakan *corrective* adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetul. Manakala tindakan *preventive* adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Jawatankuasa Audit hendaklah melaporkan hasil perbincangannya kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun.

**9.2.** Memandangkan pengauditan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara bagi tujuan memberi penarafan adalah terhad kepada beberapa Pusat Tanggungjawab (PTJ) sahaja. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan patut mengarahkan Unit Audit Dalam menjalankan pengauditan di PTJ-PTJ yang lain untuk memastikan sama ada kelemahan yang sama tidak berlaku di pejabat berkenaan.

**9.3.** Penglibatan/penyeliaan oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands-on* dalam urusan tersebut.



# **BAHAGIAN V**

## **Penyerahan, Pembentangan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan Agenzi Negeri**





# **BAHAGIAN V**

## **PENYERAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI**

### **10. PENDAHULUAN**

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara dikehendaki menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam. Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Agensi Negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

#### **10.1. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN**

Selaras dengan Seksyen 5(c) Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan Agensi Negeri yang bertujuan untuk memastikan segala akaun serta rekod kewangan diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Sehingga akhir tahun 2013, Ketua Audit Negara bertanggungjawab melaksanakan pengauditan terhadap 9 Badan Berkanun Negeri, 11 Pihak Berkuasa Tempatan dan satu Majlis Agama Islam. Daripada jumlah tersebut, penyata kewangan bagi satu Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam diaudit terus oleh Jabatan Audit Negara. Firma Audit Swasta telah dilantik untuk menjalankan pengauditan terhadap 8 Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri dan 11 Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan. Pelantikan Firma Audit Swasta ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 7(3), Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau. Kerja pengauditan yang dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta sentiasa dipantau oleh Jabatan Audit Negara melalui penyediaan Memorandum Perancangan Audit, lawatan dan perbincangan antara pihak Firma Audit Swasta dengan pegawai Jabatan Audit Negara serta penyediaan Borang Semakan yang perlu disertakan bersama Laporan Akhir yang dihantar kepada Jabatan Audit Negara.

#### **10.2. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN**

**10.2.1.** Penyerahan Penyata Kewangan bagi 9 Badan Berkanun Negeri adalah tertakluk di bawah Enakmen yang ditetapkan. Manakala penyerahan Penyata Kewangan bagi 11 Pihak Berkuasa Tempatan, ia tertakluk di bawah Seksyen 60(1), Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171) dan bagi Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu PAhang pula, ia termaktub di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991. Sehingga 30 Jun 2014, 8 Badan Berkanun Negeri, satu Majlis Agama Islam dan 11 Pihak Berkuasa Tempatan telah mengemukakan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013. Satu Badan Berkanun Negeri iaitu Lembaga Pembangunan Tioman masih belum mengemukakan penyata kewangan bagi tahun 2013 untuk diaudit.

### **10.3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN**

**10.3.1.** Kesemua 21 Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 telah diaudit dan dikeluarkan Sijil Audit. Sebanyak 18 penyata kewangan telah diberi Sijil Audit Tanpa Teguran manakala 3 lagi telah memperoleh Sijil Audit Berteguran. Kedudukan jenis sijil bagi Penyata Kewangan Tahun 2012 yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara bagi Agensi Negeri adalah seperti di **Jadual 10.1**.

**Jadual 10.1**

**Kedudukan Jenis Sijil Yang Dikeluarkan Bagi Penyata Kewangan  
Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Dan Pihak Berkuasa Tempatan  
Bagi Tahun 2012 Sehingga 30 Jun 2014**

Bil.	Agenzi Negeri	Tahun Kewangan 2012
<b>Badan Berkanun Negeri</b>		
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	Tanpa Teguran
2.	Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang	Tanpa Teguran
3.	Lembaga Pembangunan Tioman	Tanpa Teguran
4.	Majlis Sukan Pahang	Tanpa Teguran
5.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	Tanpa Teguran
6.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	Tanpa Teguran
7.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	Tanpa Teguran
8.	Yayasan Pahang	Berteguran
9.	Lembaga Muzium Negeri Pahang	Berteguran
<b>Majlis Agama Islam</b>		
1.	Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang	Tanpa Teguran
<b>Pihak Berkuasa Tempatan</b>		
1.	Majlis Perbandaran Kuantan	Tanpa Teguran
2.	Majlis Perbandaran Bentong	Tanpa Teguran
3.	Majlis Daerah Cameron Highlands	Tanpa Teguran
4.	Majlis Daerah Jerantut	Tanpa Teguran
5.	Majlis Daerah Lipis	Tanpa Teguran
6.	Majlis Daerah Maran	Tanpa Teguran
7.	Majlis Daerah Pekan	Tanpa Teguran
8.	Majlis Daerah Raub	Tanpa Teguran
9.	Majlis Daerah Rompin	Tanpa Teguran
10.	Majlis Daerah Bera	Tanpa Teguran
11.	Majlis Perbandaran Temerloh	Berteguran

Sumber: Jabatan Audit Negara

**10.3.2.** Yayasan Pahang diberikan Sijil Berteguran kerana antaranya adalah disebabkan pendapatan sewa pajak berjumlah RM45.69 juta tidak dapat disahkan kerana asas perkiraan tidak disokong dengan justifikasi yang jelas. Lembaga Muzium Negeri Pahang pula didapati kawalan dalam pengurusan kewangan yang lemah menyebabkan belanja melebihi peruntukan sejumlah RM2.40 juta. Manakala Majlis Perbandaran Temerloh pihak Audit tidak dapat mengesahkan kesahihan dan ketepatan pelarasannya bagi Kumpulan Wang Majlis berjumlah RM21.48 juta kerana tiada dokumen sokongan.

## **10.4. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN**

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, memperuntukkan supaya Laporan Audit mengenai penyata kewangan yang telah disahkan hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Sehingga 30 Jun 2014, semua Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 bagi Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri kecuali Yayasan Pahang. Manakala bagi Penyata Kewangan Majlis Agama Islam mengikut undang-undang tidak perlu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

## **10.5. PRESTASI KEWANGAN**

Analisis prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang merangkumi prestasi secara menyeluruh, penggunaan geran pembangunan dan operasi dilaporkan seperti berikut:

### **10.5.1. Analisis Kedudukan Kewangan Badan Berkanun Negeri**

**10.5.1.1.** Sehingga 30 Jun 2014, Jabatan Audit Negara telah membuat pengesahan dan mengeluarkan Sijil Audit terhadap Penyata Kewangan bagi tahun 2012 untuk kesemua 9 Badan Berkanun Negeri di Pahang. Manakala Penyata Kewangan bagi tahun 2013 untuk 8 Badan Berkanun Negeri masih dalam proses pengauditan. Lembaga Pembangunan Tioman masih belum mengemukakan penyata kewangan bagi tahun 2013 untuk diaudit.

**10.5.1.2.** Analisis prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri adalah berdasarkan 8 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri 2013 yang diterima sehingga 30 Jun 2014. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan tahun 2013 bagi Badan Berkanun Negeri adalah didapati lebih baik berbanding tahun 2012. Pada akhir tahun 2013, lebihan pendapatan terkumpul atau keuntungan terkumpul meningkat sejumlah RM117.76 juta atau 9.7%, lebihan jumlah aset meningkat sejumlah RM117.68 juta atau 9.6% dan aset semasa bersih bagi tahun 2013 telah meningkat sejumlah RM2.51 juta atau 0.8% berbanding tahun 2012. Manakala, lebihan pendapatan tahun semasa atau keuntungan tahun semasa turut mencatatkan peningkatan sejumlah RM28.04 juta atau 31.3% berbanding tahun 2012. Prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 10.2**.

**Jadual 10.2**  
**Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2012 Dan 2013**

Bil.	Perkara	2012	2013	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Lebihan Pendapatan Terkumpul	1,217.50	1,335.26	117.76	9.7
2.	Lebihan Jumlah Aset	1,222.06	1,339.74	117.68	9.6
3.	Aset Semasa Bersih	323.66	326.17	2.51	0.8
4.	Lebihan Pendapatan Semasa	89.72	117.76	28.04	31.3

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

Nota: 1) Tidak Termasuk Lembaga Pembangunan Tioman

**10.5.1.3.** Pada tahun 2013, kesemua Badan Berkanun Negeri mencatatkan surplus kecuali Lembaga Muzium Negeri Pahang yang mencatatkan defisit bagi tahun semasa. Butiran terperinci prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti di **Jadual 10.3**.

**Jadual 10.3**

**Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri  
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013**

Bil.	Agenzi Negeri	Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013			Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2013		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ Defisit (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset/ (Liabiliti) Semasa Bersih (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	122.51	56.19	66.32	396.36	87.40	308.96
2.	Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang	165.99	119.24	46.75	250.01	102.58	147.43
3.	Yayasan Pahang	92.49	90.25	2.24	181.58	323.18	-141.60
4.	Lembaga Muzium Negeri Pahang	5.24	5.35	-0.11	0.49	2.24	-1.75
5.	Majlis Sukan Pahang	8.07	6.29	1.78	10.99	0.43	10.56
6.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	5.96	5.94	0.02	2.76	0.98	1.78
7.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	9.03	8.35	0.68	1.02	0.29	0.73
8.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	1.44	1.36	0.08	0.24	0.18	0.06
<b>Jumlah</b>		<b>410.73</b>	<b>292.97</b>	<b>117.76</b>	<b>843.45</b>	<b>517.28</b>	<b>326.17</b>

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

Nota: Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Tioman belum dikemukakan

### **10.5.2. Analisis Pendapatan**

**10.5.2.1.** Pada akhir tahun 2013, pendapatan janaan sendiri yang diperoleh 8 Badan Berkanun Negeri ialah sejumlah RM331.64 juta berbanding dengan RM353.46 juta pada tahun 2012. Jumlah pendapatan janaan sendiri ini menurun sejumlah RM21.82 juta atau 6.2%. Analisis Audit mendapati Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang mencatatkan peningkatan pendapatan janaan sendiri yang ketara iaitu sejumlah RM41.95 juta. Manakala 2 Badan Berkanun Negeri mencatatkan penurunan yang ketara iaitu Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang dan Yayasan Pahang. Lembaga

Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang mencatatkan penurunan sejumlah RM42.43 juta disebabkan penurunan hasil jualan minyak sawit mentah dan isi rong serta peningkatan dalam kos jualan. Bagi Yayasan Pahang, penurunan pendapatan janaan sendiri yang ketara dicatatkan iaitu sejumlah RM20.81 juta disebabkan penurunan pendapatan sewa pajak dan dividen. Perbandingan pendapatan janaan sendiri bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 10.4**.

**Jadual 10.4**

Pendapatan Janaan Sendiri Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Agensi Negeri	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	80.56	122.51	41.95	52.1
2.	Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang	208.42	165.99	-42.43	-20.4
3.	Yayasan Pahang	59.00	38.19	-20.81	-35.3
4.	Lembaga Muzium Negeri Pahang	0.07	0.38	0.31	442.9
5.	Majlis Sukan Pahang	1.52	1.36	-0.16	-10.5
6.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	3.27	2.33	-0.94	-28.7
7.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	0.10	0.10	-	-
8.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	0.52	0.78	0.26	50.0
<b>Jumlah</b>		<b>353.46</b>	<b>331.64</b>	<b>-21.82</b>	<b>-6.2</b>

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

Nota: Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Tioman belum dikemukakan

**10.5.2.2.** Selain pendapatan janaan sendiri, enam Badan Berkanun Negeri juga menerima geran daripada Kerajaan Negeri/Persekutuan sejumlah RM77.06 juta pada tahun 2013 dan RM78.02 juta pada tahun 2012. Jumlah geran ini meliputi geran operasi dan pembangunan untuk membantu dalam melaksanakan program serta aktiviti Badan Berkanun Negeri dan juga mengurus projek pembangunan. Analisis geran yang diterima adalah seperti di **Jadual 10.5**.

**Jadual 10.5**

Jumlah Geran Yang Diterima Oleh Badan Berkanun Negeri Pada Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Agensi Negeri	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Yayasan Pahang	55.90	54.26	-1.64	-2.9
2.	Lembaga Muzium Negeri Pahang	4.55	4.86	0.31	6.8
3.	Majlis Sukan Pahang	7.72	6.71	-1.01	-13.1
4.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	2.08	2.04	-0.04	-1.9
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	7.32	8.54	1.22	16.7
6.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	0.45	0.65	0.20	44.4
<b>Jumlah</b>		<b>78.02</b>	<b>77.06</b>	<b>-0.96</b>	<b>-1.2</b>

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

Nota: Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Tioman belum dikemukakan

### 10.5.3. Analisis Aset

**10.5.3.1.** Aset Badan Berkanun Negeri merupakan aset semasa dan aset bukan semasa yang terdiri daripada komponen utama seperti harta tanah dan peralatan, pelaburan, penghutang, simpanan tetap dan tunai. Pada akhir tahun 2013, jumlah aset yang dimiliki oleh 8 Badan Berkanun Negeri adalah bernilai RM2,558.03 juta berbanding RM2,470.23 juta pada tahun 2012 iaitu peningkatan sejumlah RM87.8 juta atau 3.6%. Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang mencatatkan peningkatan aset yang ketara pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 iaitu sejumlah RM59.84 juta. Kedudukan aset bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 10.6**.

**Jadual 10.6**

**Jumlah Aset Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2012 Dan 2013**

Bil.	Agensi Negeri	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	639.71	699.55	59.84	9.4
2.	Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang	1,142.80	1,148.34	5.54	0.5
3.	Yayasan Pahang	630.22	650.97	20.75	3.3
4.	Lembaga Muzium Negeri Pahang	18.09	18.20	0.11	0.6
5.	Majlis Sukan Pahang	10.46	12.04	1.58	15.1
6.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	22.93	22.49	-0.44	-1.9
7.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	5.64	5.98	0.34	6.0
8.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	0.38	0.46	0.08	21.1
<b>Jumlah</b>		<b>2,470.23</b>	<b>2,558.03</b>	<b>87.8</b>	<b>3.6</b>

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

Nota: Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Tioman belum dikemukakan

**10.5.3.2.** Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, jumlah aset semasa bersih meningkat sedikit sejumlah RM2.51 juta atau 0.8%, iaitu daripada RM323.66 juta pada tahun 2012 kepada RM326.17 juta pada tahun 2013. Dua Badan Berkanun Negeri mencatatkan liabiliti semasa bersih iaitu Yayasan Pahang dan Lembaga Muzium Negeri Pahang. Kedudukan aset semasa bersih bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 10.7**.

**Jadual 10.7**

**Kedudukan Aset/(Liabiliti) Semasa Bersih Bagi Tahun 2012 Dan 2013**

Bil.	Agensi Negeri	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	291.69	308.96	17.27	5.9
2.	Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang	150.70	147.43	-3.27	-2.2
3.	Yayasan Pahang	-127.59	-141.60	-14.01	-11.0
4.	Lembaga Muzium Negeri Pahang	-1.78	-1.75	0.03	1.7
5.	Majlis Sukan Pahang	8.91	10.56	1.65	18.5
6.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	1.48	1.78	0.30	20.3
7.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	0.17	0.73	0.56	329.4
8.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	0.08	0.06	-0.02	-25.0
<b>Jumlah</b>		<b>323.66</b>	<b>326.17</b>	<b>2.51</b>	<b>0.8</b>

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

Nota: Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Tioman belum dikemukakan

#### 10.5.4. Analisis Pelaburan

Pada akhir tahun 2013, jumlah pelaburan yang dibuat oleh 3 Agensi Negeri ialah sejumlah RM826.90 juta. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu, pelaburan saham tersiar harga dan saham tidak tersiar harga. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, jumlah pelaburan telah meningkat daripada RM767.08 juta pada tahun 2012 kepada RM826.90 juta pada tahun 2013 seperti di **Jadual 10.8**.

**Jadual 10.8**

**Analisis Pelaburan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2012 Dan 2013**

Bil.	Agensi Negeri	Syarikat Subsidiari (RM Juta)		Syarikat Bersekutu (RM Juta)		Lain-lain (RM Juta)		Jumlah (RM Juta)	
		2012	2013	2012	2013	2012	2013	2012	2013
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	128.07	138.75	-	-	42.64	56.55	170.71	195.30
2.	Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang	82.08	82.08	181.71	186.01	242.72	267.62	506.51	535.71
3.	Yayasan Pahang	64.20	69.15	0.20	0.20	25.46	26.54	89.86	95.89
<b>Jumlah</b>		<b>274.35</b>	<b>289.98</b>	<b>181.91</b>	<b>186.21</b>	<b>310.82</b>	<b>350.71</b>	<b>767.08</b>	<b>826.90</b>

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

#### 10.5.5. Analisis Liabiliti

Liabiliti terdiri daripada tanggungan semasa dan jangka panjang dengan komponen utama seperti pinjaman, pembiutang, deposit dan pendahuluan. Pada akhir tahun 2013, jumlah liabiliti bagi 8 Badan Berkanun Negeri menurun daripada RM1,248.17 juta pada tahun 2012 kepada RM1,218.29 juta pada tahun 2013. Analisis Audit mendapati Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang mencatatkan penurunan liabiliti yang ketara iaitu sejumlah RM41.21 juta disebabkan pengurangan dalam pinjaman daripada institusi kewangan dan pembiutang. Manakala Yayasan Pahang mencatatkan peningkatan liabiliti yang ketara iaitu sejumlah RM18.52 juta disebabkan peningkatan dalam jumlah terhutang kepada syarikat subsidiari dan pinjaman daripada institusi kewangan. Kedudukan liabiliti Badan Berkanun Negeri adalah seperti di **Jadual 10.9**.

**Jadual 10.9**

**Kedudukan Liabiliti Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2012 Dan 2013**

Bil.	Agensi Negeri	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	544.21	537.73	-6.48	-1.2
2.	Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang	366.75	325.54	-41.21	-11.2
3.	Yayasan Pahang	307.53	326.05	18.52	6.0
4.	Lembaga Muzium Negeri Pahang	11.06	11.37	0.31	2.8
5.	Majlis Sukan Pahang	0.63	0.43	-0.20	-31.7
6.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	14.46	14.00	-0.46	-3.2
7.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	3.33	2.97	-0.36	-10.8
8.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	0.20	0.20	-	-
<b>Jumlah</b>		<b>1,248.17</b>	<b>1,218.29</b>	<b>-29.88</b>	<b>-2.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

Nota: Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Tioman belum dikemukakan

## 10.5.6. Analisis Nisbah

**10.5.6.1.** Nisbah semasa digunakan untuk menentukan sejauh mana Agensi mampu membayar hutang jangka pendek sekiranya aset semasa dicairkan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah Agensi. Analisis Audit mendapati nisbah semasa bagi Yayasan Pahang dan Lembaga Muzium Negeri Pahang adalah kurang daripada satu disebabkan liabiliti semasa yang tinggi dicatatkan bagi kedua-dua Agensi tersebut. Bagaimanapun, sebahagian besar daripada liabiliti semasa Yayasan Pahang adalah terimaan terdahulu yang merupakan tanggungan sementara sebelum diambil kira sebagai pendapatan. Manakala nisbah semasa bagi Lembaga Muzium Negeri Pahang adalah kurang memuaskan disebabkan jumlah pembiutang yang tinggi. Ini menunjukkan Lembaga Muzium Negeri Pahang tidak mampu untuk memenuhi tanggungan jangka pendek.

**10.5.6.2.** Nisbah hutang mengukur peratus dana yang dibiayai oleh sumber selain ekuiti. Ia juga digunakan untuk mengukur kemampuan Agensi memenuhi obligasi kepada pembiutang. Analisis Audit mendapati nisbah hutang bagi kesemua Badan Berkanun Negeri adalah memuaskan kerana kurang daripada 100%. Nisbah hutang yang dicatatkan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang ialah pada 76.9% disebabkan liabiliti pinjaman yang tinggi daripada Kerajaan dan institusi kewangan. Manakala sebahagian besar daripada liabiliti Lembaga Muzium Negeri Pahang, Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser dan Perbadanan Perpustakaan Awam adalah pendapatan tertunda iaitu dalam bentuk bantuan yang diterima daripada Kerajaan bagi melaksanakan projek pembangunan. Ia dinyatakan sebagai tanggungan jangka panjang dan direalisasikan sebagai pendapatan mengikut tempoh yang ditetapkan. **Jadual 10.10** menunjukkan analisis kecairan dan kestabilan Badan Berkanun Negeri bagi tahun 2013.

**Jadual 10.10**  
**Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun 2013**

Bil.	Agensi Negeri	Nisbah Semasa	Nisbah Cepat	Modal Kerja (RM Juta)	Nisbah Hutang (%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	4.53	3.34	308.96	76.9
2.	Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang	2.44	2.42	147.43	28.3
3.	Yayasan Pahang	0.56	0.56	-141.60	50.1
4.	Lembaga Muzium Negeri Pahang	0.22	0.22	-1.75	62.5
5.	Majlis Sukan Pahang	25.56	25.56	10.56	3.6
6.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	2.82	2.82	1.78	62.2
7.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	3.52	3.52	0.73	49.7
8.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	1.33	1.33	0.06	43.5

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

Nota: Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Tioman belum dikemukakan

## **10.5.7. Prestasi Syarikat Subsidiari Dan Syarikat Bersekutu Badan Berkanun Negeri**

### **10.5.7.1. Analisis Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari Dan Syarikat Bersekutu**

Pada tahun 2013, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) melabur sejumlah RM138.75 juta dalam 7 syarikat, Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang (LKPP) melabur sejumlah RM268.09 juta dalam 13 syarikat dan Yayasan Pahang (YP) melabur sejumlah RM69.35 juta dalam 6 syarikat. Analisis pelaburan pada kos dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu oleh Badan Berkanun Negeri adalah seperti di **Jadual 10.11**.

**Jadual 10.11**  
**Analisis Pelaburan Pada Kos Dalam Syarikat Subsidiari Dan Syarikat Bersekutu**

Perkara	PKNP	LKPP	YP	Jumlah
Syarikat Subsidiari (100%)	5	6	5	16
Syarikat Subsidiari (>50%)	2	1	-	3
Syarikat Bersekutu (<50%)	-	6	1	7
<b>Jumlah Syarikat</b>	<b>7</b>	<b>13</b>	<b>6</b>	<b>26</b>
<b>Pelaburan (RM Juta)</b>	<b>138.75</b>	<b>268.09</b>	<b>69.35</b>	<b>476.19</b>

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

### **10.5.7.2. Status Syarikat Subsidiari**

Analisis Audit mendapati 3 Agensi Negeri telah melabur dalam 19 syarikat subsidiari iaitu 15 syarikat subsidiari berstatus aktif dan 4 syarikat subsidiari berstatus dorman. Bilangan syarikat subsidiari yang aktif dan dorman adalah seperti di **Jadual 10.12**.

**Jadual 10.12**  
**Bilangan Syarikat Subsidiari Yang Aktif Dan Dorman Bagi Tahun 2013**

Bil.	Agensi Negeri	Bilangan Syarikat Subsidiari (Ekuiti Lebih Daripada 50%)		
		Status Aktif	Status Dorman	Jumlah Syarikat
1.	PKNP	6	1	7
2.	LKPP	4	3	7
3.	YP	5	-	5
<b>Jumlah</b>		<b>15</b>	<b>4</b>	<b>19</b>

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

### **10.5.7.3. Analisis Keuntungan/Kerugian Terkumpul Syarikat Subsidiari**

Pada 31 Disember 2013, sebanyak 12 syarikat subsidiari yang aktif di bawah 3 Agensi Negeri telah mendapat keuntungan terkumpul secara keseluruhannya yang berjumlah RM682.82 juta. Dari segi kerugian terkumpul, analisis Audit mendapati 7 syarikat subsidiari Agensi Negeri telah menunjukkan kerugian terkumpul secara keseluruhan yang berjumlah RM20.44 juta. Antara syarikat subsidiari yang mencatat keuntungan terkumpul yang tertinggi ialah LKPP Corporation Sdn. Bhd. sejumlah RM500.30 juta dan YP Plantation Holdings Sdn. Bhd. sejumlah RM147.16 juta. Analisis keuntungan terkumpul

dan kerugian terkumpul syarikat subsidiari Badan Berkanun Negeri bagi tahun kewangan 2013 adalah seperti di **Jadual 10.13**.

**Jadual 10.13**

**Analisis Keuntungan/Kerugian Terkumpul Syarikat Subsidiari Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun Kewangan 2013**

Bil.	Agensi Negeri	Keuntungan Terkumpul		Kerugian Terkumpul		Keuntungan Bersih Terkumpul (RM Juta)
		Bil. Syarikat	(RM Juta)	Bil. Syarikat	(RM Juta)	
1.	PKNP	5	16.71	2	3.85	12.86
2.	LKPP	5	514.80	2	1.50	513.30
3.	YP	2	151.31	3	15.09	136.22
<b>Jumlah</b>		<b>12</b>	<b>682.82</b>	<b>7</b>	<b>20.44</b>	<b>662.38</b>

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

#### 10.5.8. Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

**10.5.8.1.** Pada tahun 2013, secara keseluruhannya Pihak Berkuasa Tempatan telah mencatatkan defisit semasa sejumlah RM10.22 juta iaitu peningkatan sejumlah RM1.62 juta atau 18.8% berbanding tahun sebelumnya. Lima Pihak Berkuasa Tempatan mencatatkan surplus manakala baki 6 yang lain mencatatkan defisit bagi tahun 2013. Majlis Daerah Lipis mencatatkan perubahan yang ketara daripada surplus sejumlah RM4.58 juta pada tahun 2012 kepada defisit sejumlah RM2.1 juta pada tahun 2013 iaitu penurunan sejumlah RM6.68 juta. Kedudukan surplus dan defisit bagi Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **Jadual 10.14** manakala perbandingan pencapaian kewangan bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 10.15**.

**Jadual 10.14**

**Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun 2013**

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013			Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2013		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/Defisit (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset/(Liabiliti) Semasa Bersih (RM Juta)
1.	Majlis Perbandaran Kuantan	99.35	110.70	-11.35	35.34	39.31	-3.97
2.	Majlis Perbandaran Temerloh	26.83	27.22	-0.39	16.90	13.44	3.46
3.	Majlis Perbandaran Bentong	28.16	26.17	1.99	49.57	4.96	44.61
4.	Majlis Daerah Cameron Highlands	11.19	9.98	1.21	21.08	4.84	16.24
5.	Majlis Daerah Jerantut	9.68	11.61	-1.93	6.45	4.62	1.83
6.	Majlis Daerah Lipis	17.70	19.80	-2.10	2.94	3.08	-0.14

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013			Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2013		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ Defisit (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset/ (Liabiliti) Semasa Bersih (RM Juta)
7.	Majlis Daerah Maran	8.96	9.66	-0.70	9.82	12.71	-2.89
8.	Majlis Daerah Pekan	13.65	12.72	0.93	10.88	3.93	6.95
9.	Majlis Daerah Raub	12.45	12.00	0.45	11.35	6.06	5.29
10.	Majlis Daerah Rompin	9.18	7.48	1.70	5.99	6.27	-0.28
11.	Majlis Daerah Bera	11.97	12.00	-0.03	8.89	1.97	6.92
<b>Jumlah</b>		<b>249.12</b>	<b>259.34</b>	<b>-10.22</b>	<b>179.21</b>	<b>101.19</b>	<b>78.02</b>

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkua Tempatan

#### Jadual 10.15

#### Prestasi Kewangan Tahunan Pihak Berkua Tempatan

Bil.	Pihak Berkua Tempatan	Tahun		Perubahan	
		2012 Surplus/ Defisit (RM Juta)	2013 Surplus/ Defisit (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Perbandaran Kuantan	-7.05	-11.35	-4.30	-61.0
2.	Majlis Perbandaran Temerloh	-3.71	-0.39	3.32	89.5
3.	Majlis Perbandaran Bentong	3.10	1.99	-1.11	-35.8
4.	Majlis Daerah Cameron Highlands	0.38	1.21	0.83	218.4
5.	Majlis Daerah Jerantut	-1.72	-1.93	-0.21	-12.2
6.	Majlis Daerah Lipis	4.58	-2.10	-6.68	-145.9
7.	Majlis Daerah Maran	-1.69	-0.70	0.99	58.6
8.	Majlis Daerah Pekan	-0.13	0.93	1.06	815.4
9.	Majlis Daerah Raub	-0.35	0.45	0.80	228.6
10.	Majlis Daerah Rompin	-0.24	1.70	1.94	808.3
11.	Majlis Daerah Bera	-1.77	-0.03	1.74	98.3
<b>Jumlah</b>		<b>-8.60</b>	<b>-10.22</b>	<b>-1.62</b>	<b>-18.8</b>

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkua Tempatan

#### 10.5.8.2. Hasil Dan Perbelanjaan

Pada tahun 2013, Pihak Berkua Tempatan telah membelanjakan sejumlah RM259.34 juta yang meliputi perbelanjaan emolumen, pengangkutan, pentadbiran am, perkhidmatan, pengurusan sisa pepejal, penyenggaraan dan utiliti. Hasil utama Pihak Berkua Tempatan pula terdiri daripada cukai taksiran, geran tahunan/sumbangan Kerajaan, lesen dan permit perniagaan serta perkhidmatan sewaan. Analisis Audit mendapati pada tahun 2013, Pihak Berkua Tempatan telah mengutip hasil sejumlah RM249.12 juta. Adalah didapati cukai taksiran telah menyumbang sejumlah RM105.03 juta atau 42.2% daripada keseluruhan hasil Pihak Berkua Tempatan pada tahun 2013. Hasil Pihak Berkua Tempatan bagi tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 10.16**.

**Jadual 10.16**  
**Jenis Hasil Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun 2013**

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Cukai Taksiran (RM Juta)	Geran Kerajaan (RM Juta)	Lesen Dan Permit (RM Juta)	Sewaan (RM Juta)	Pelbagai (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
1.	Majlis Perbandaran Kuantan	51.48	8.87	11.43	7.03	20.54	99.35
2.	Majlis Perbandaran Temerloh	12.61	3.43	2.04	1.88	6.87	26.83
3.	Majlis Perbandaran Bentong	14.92	1.38	1.16	0.90	9.80	28.16
4.	Majlis Daerah Cameron Highlands	4.45	2.25	0.40	1.08	3.01	11.19
5.	Majlis Daerah Jerantut	3.88	2.83	0.79	1.07	1.11	9.68
6.	Majlis Daerah Lipis	2.28	1.70	0.65	1.47	11.60	17.70
7.	Majlis Daerah Maran	1.40	2.54	0.71	1.27	3.04	8.96
8.	Majlis Daerah Pekan	4.51	1.80	0.65	1.34	5.35	13.65
9.	Majlis Daerah Raub	3.95	4.43	0.71	0.74	2.62	12.45
10.	Majlis Daerah Rompin	2.74	2.31	0.70	1.27	2.16	9.18
11.	Majlis Daerah Bera	2.81	4.80	1.09	0.42	2.85	11.97
<b>Jumlah</b>		<b>105.03</b>	<b>36.34</b>	<b>20.33</b>	<b>18.47</b>	<b>68.95</b>	<b>249.12</b>

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

#### 10.5.8.3. Aset Semasa Bersih

Pada tahun 2013, aset semasa bersih bagi kesemua Pihak Berkuasa Tempatan adalah berjumlah RM78.02 juta iaitu berkurangan sejumlah RM6.97 juta atau 8.2% berbanding tahun 2012. Adalah didapati 7 Pihak Berkuasa Tempatan mencatatkan peningkatan dalam aset semasa bersih manakala 4 Pihak Berkuasa Tempatan lagi mencatatkan pengurangan dalam aset semasa bersih pada tahun 2013 berbanding tahun sebelumnya. Majlis Perbandaran Kuantan dan Majlis Daerah Lipis mencatatkan perubahan yang ketara iaitu daripada aset semasa bersih pada tahun 2012 kepada liabiliti semasa bersih pada tahun 2013 disebabkan penurunan dalam tunai dan kesetaraan tunai. Kedudukan aset semasa bersih Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **Jadual 10.17**.

**Jadual 10.17****Kedudukan Aset Semasa Bersih Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun 2012 Dan 2013**

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun		Perubahan	
		2012 Aset/ (Liabiliti) Semasa Bersih (RM Juta)	2013 Aset/ (Liabiliti) Semasa Bersih (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Perbandaran Kuantan	7.55	-3.97	-11.52	-152.6
2.	Majlis Perbandaran Temerloh	3.81	3.46	-0.35	-9.2
3.	Majlis Perbandaran Bentong	42.25	44.61	2.36	5.6
4.	Majlis Daerah Cameron Highlands	14.79	16.24	1.45	9.8
5.	Majlis Daerah Jerantut	0.72	1.83	1.11	154.2
6.	Majlis Daerah Lipis	2.97	-0.14	-3.11	-104.7
7.	Majlis Daerah Maran	-2.36	-2.89	-0.53	-22.5
8.	Majlis Daerah Pekan	5.98	6.95	0.97	16.2
9.	Majlis Daerah Raub	4.68	5.29	0.61	13.0
10.	Majlis Daerah Rompin	-2.03	-0.28	1.75	86.2
11.	Majlis Daerah Bera	6.63	6.92	0.29	4.4
Jumlah		84.99	78.02	-6.97	-8.2

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

#### 10.5.8.4. Tunggakan Hasil Cukai Taksiran

- a. Cukai taksiran adalah cukai tahunan yang dikenakan terhadap harta pegangan di bawah kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Cukai taksiran adalah merupakan penyumbang utama kepada pendapatan Pihak Berkuasa Tempatan. Harta pegangan yang dikenakan cukai taksiran adalah bangunan kediaman, bangunan perniagaan, tanah kosong, tanah pertanian dan bangunan kerajaan. Pada tahun 2013, sejumlah RM105.03 juta hasil cukai taksiran telah dikutip oleh Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Pahang. Kutipan ini meningkat sejumlah RM4.95 juta atau 4.9% berbanding kutipan hasil cukai taksiran pada tahun 2012. Jumlah hasil cukai taksiran yang dikutip bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 10.18**.

**Jadual 10.18****Kutipan Hasil Cukai Taksiran Bagi Tahun 2012 Dan 2013**

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Perbandaran Kuantan	49.58	51.48	1.90	3.9
2.	Majlis Perbandaran Temerloh	12.05	12.61	0.56	4.6
3.	Majlis Perbandaran Bentong	14.36	14.92	0.56	3.9
4.	Majlis Daerah Cameron Highlands	4.21	4.45	0.24	5.7
5.	Majlis Daerah Jerantut	3.15	3.88	0.73	23.2
6.	Majlis Daerah Lipis	2.13	2.28	0.15	7.0
7.	Majlis Daerah Maran	1.33	1.40	0.07	5.3
8.	Majlis Daerah Pekan	4.40	4.51	0.11	2.5
9.	Majlis Daerah Raub	3.80	3.95	0.15	3.9
10.	Majlis Daerah Rompin	2.35	2.74	0.39	16.6
11.	Majlis Daerah Bera	2.72	2.81	0.09	3.3
Jumlah		100.08	105.03	4.95	4.9

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

- b. Penyata Kewangan bagi 11 Pihak Berkuasa Tempatan menunjukkan tunggakan hasil cukai taksiran pada 31 Disember 2013 berjumlah RM46.04 juta iaitu peningkatan sejumlah RM3.04 juta berbanding tahun sebelumnya. Analisis terhadap tunggakan hasil cukai taksiran mendapati Majlis Daerah Bera sahaja mencatatkan penurunan tunggakan hasil cukai taksiran pada tahun 2013 berbanding tahun sebelumnya iaitu sejumlah RM0.01 juta. Manakala, 10 Pihak Berkuasa Tempatan mencatatkan peningkatan tunggakan hasil cukai taksiran iaitu antara RM0.03 juta hingga RM0.88 juta. Antara sebab peningkatan tunggakan hasil cukai taksiran ialah bertambahnya bilangan harta dan pegangan baru di kawasan Majlis serta kegagalan pemegang harta menjelaskan cukai taksiran mengikut tempoh yang ditetapkan. Kedudukan terperinci tunggakan hasil cukai taksiran bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 10.19**.

**Jadual 10.19**

Tunggakan Hasil Cukai Taksiran Bagi Tahun 2012 Dan 2013

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun		Perubahan	
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Perbandaran Kuantan	15.68	16.47	0.79	5.0
2.	Majlis Perbandaran Temerloh	8.31	8.53	0.22	2.6
3.	Majlis Perbandaran Bentong	7.24	8.12	0.88	12.2
4.	Majlis Daerah Cameron Highlands	0.63	0.68	0.05	7.9
5.	Majlis Daerah Jerantut	0.76	0.90	0.14	18.4
6.	Majlis Daerah Lipis	1.19	1.44	0.25	21.0
7.	Majlis Daerah Maran	1.45	1.60	0.15	10.3
8.	Majlis Daerah Pekan	2.24	2.34	0.10	4.5
9.	Majlis Daerah Raub	2.97	3.00	0.03	1.0
10.	Majlis Daerah Rompin	1.53	1.97	0.44	28.8
11.	Majlis Daerah Bera	1.00	0.99	-0.01	-1.0
<b>Jumlah</b>		<b>43.00</b>	<b>46.04</b>	<b>3.04</b>	<b>7.1</b>

Sumber : Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

#### 10.5.8.5. Tunggakan Cukai Taksiran Berbanding Jumlah Pendapatan

Berdasarkan penyata kewangan bagi tahun 2013, jumlah pendapatan yang telah dikutip oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan adalah berjumlah RM249.12 juta. Manakala, jumlah tunggakan cukai taksiran pula adalah berjumlah RM46.04 juta. Antaranya ada Majlis yang menunjukkan tunggakan cukai taksiran telah mencapai tahap melebihi 25% daripada pendapatan tahunan. Peningkatan tunggakan cukai taksiran perlu diambil perhatian serius untuk mengukuhkan lagi kedudukan kewangan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan. Analisis tunggakan cukai taksiran berbanding pendapatan bagi tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 10.20**.

**Jadual 10.20****Peratus Tunggakan Cukai Taksiran Berbanding Jumlah Pendapatan Bagi Tahun 2013**

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tunggakan Cukai Taksiran (RM Juta)	Jumlah Pendapatan (RM Juta)	Tunggakan Cukai Taksiran Berbanding Jumlah Pendapatan (%)
1.	Majlis Perbandaran Kuantan	16.47	99.35	16.6
2.	Majlis Perbandaran Temerloh	8.53	26.83	31.8
3.	Majlis Perbandaran Bentong	8.12	28.16	28.8
4.	Majlis Daerah Cameron Highlands	0.68	11.19	6.1
5.	Majlis Daerah Jerantut	0.90	9.68	9.3
6.	Majlis Daerah Lipis	1.44	17.70	8.1
7.	Majlis Daerah Maran	1.60	8.96	17.9
8.	Majlis Daerah Pekan	2.34	13.65	17.1
9.	Majlis Daerah Raub	3.00	12.45	24.1
10.	Majlis Daerah Rompin	1.97	9.18	21.5
11.	Majlis Daerah Bera	0.99	11.97	8.3
Jumlah		46.04	249.12	18.5

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

## 10.6. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

**10.6.1.** Secara umumnya, kedudukan penyediaan penyata kewangan dan prestasi kewangan bagi Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah memuaskan. Sebanyak 18 penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 telah diberi Sijil Audit Tanpa Teguran manakala 3 lagi telah memperoleh Sijil Audit Berteguran.

**10.6.2.** Bagi meningkatkan lagi tahap penyediaan penyata kewangan dan kedudukan prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan, pihak Audit mengesyorkan Agensi berkenaan mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

**10.6.2.1.** Mematuhi piawaian dan garis panduan perakaunan yang dikeluarkan. Begitu juga dokumen-dokumen sokongan hendaklah disediakan dengan sewajarnya bagi menyokong angka-angka di penyata kewangan.

**10.6.2.2.** Merangka mekanisme dan tindakan tertentu yang perlu dilaksanakan untuk memperbaiki prestasi kewangan Pihak Berkuasa Tempatan yang mengalami defisit semasa. Misalnya tindakan tegas diambil bagi mengurangkan tunggakan cukai taksiran dan meningkatkan pendapatan Pihak Berkuasa Tempatan.



# **BAHAGIAN VI**

## **Pembentangan**

### **Laporan Ketua Audit Negara**

### **Dan Mesyuarat Jawatankuasa**

### **Kira-Kira Wang Awam Negeri**





## **BAHAGIAN VI**

### **PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

#### **11. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI; DAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang telah diaudit dibentangkan segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2012 Siri 1 dan Siri 2 telah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri Pahang pada 26 November 2013. Manakala Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2012 dan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2012 Siri 3 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Pahang pada 29 April 2014. Seterusnya, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2013 Siri 1 dan Siri 2 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Pahang pada 18 Ogos 2014.

#### **11.1. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

Bagi tempoh Jun 2013 hingga 31 Mei 2014, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Pahang (Jawatankuasa) masih belum membincangkan Laporan Ketua Audit mengenai Penyata Kewangan Kerajaan dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Pahang Tahun 2011 dan 2012. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya Akauntabiliti Awam selain membincangkan Laporan Ketua Audit Negara, Jawatankuasa juga perlu memastikan Pegawai Pengawal Jabatan/Agensi Negeri mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap syor oleh Jawatankuasa yang telah kemukakan kepada Dewan Undangan Negeri.



# PENUTUP





## PENUTUP

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri adalah bertambah baik. Begitu juga tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2013 secara keseluruhan telah menunjukkan prestasi lebih baik berbanding tahun 2012 kerana terdapat pertambahan bilangan Jabatan/Agensi Negeri yang mendapat pencapaian yang sangat baik. Bagaimanapun, prestasinya masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bukan sahaja mengambil tindakan membetulkan kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, bahkan juga mengambil tindakan pencegahan bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Sehubungan ini, bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, adalah disyorkan perkara berikut:

- a. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di bahagian lain seterusnya mengambil tindakan pembetulan memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada sampel dan skop tertentu.
- b. Jabatan/Agensi Negeri perlu mempertingkat keberkesanan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya ialah dengan memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, perancangan audit tahunan disediakan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, penilaian dibuat secara objektif dan bebas bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalaman malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi.
- c. Bagi memperbaiki tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands on* dalam urusan tersebut.
- d. Ketua Jabatan perlu mewujudkan sistem *check and balance, frequent monitoring and audit spot checks*, mengadakan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai serta memberi latihan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecekapan mereka. Ini adalah bagi mengelakkan pegawai kurang mahir atau kurang pengetahuan menggunakan budi bicara apabila membuat keputusan.

## JABATAN AUDIT NEGARA

**Putrajaya**  
**13 Ogos 2014**



# LAMPIRAN







**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI PAHANG  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak pengurusan Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan telah dilaksanakan dengan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan.


Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang pada 31 Disember 2013; hasil operasi serta aliran tunainya bagi tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

  
**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**

Ketua Audit Negara

Malaysia.

Putrajaya  
24 Jun 2014



KERAJAAN NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR  
PENYATA KEWANGAN TAHUN 2013



**PERNYATAAN  
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI DAN AKAUNTAN NEGERI**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan 'International Public Sector Accounting Standard – Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting'; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Pahang

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2013.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjelaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2013.

  
**DATO' DZUL-KIFLY BIN OSMAN**  
Pegawai Kewangan Negeri Pahang

27 Feb 2014

  
**PUKHARI BIN SAMSURI**  
Akauntan Negeri Pahang

27 Feb 2014

**KERAJAAN NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR**  
**PENYATA KEWANGAN TAHUN 2013**



**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN  
pada 31 Disember 2013**

	<b>Nota</b>	<b>2013 RM</b>	<b>2012 RM</b>
<b>WANG AWAM:</b>			
WANG TUNAI	3	111,351,386.91	57,821,232.71
PELABURAN	4	222,683,435.82	272,683,435.82
		<b>334,034,822.73</b>	<b>330,504,668.53</b>
<b>DIPEGANG BAGI:</b>			
<b>KUMPULAN WANG DISATUKAN</b>			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	192,886,354.74	192,159,741.08
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	141,148,467.99	138,344,927.45
		<b>334,034,822.73</b>	<b>330,504,668.53</b>

*Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*



**KERAJAAN NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR  
PENYATA KEWANGAN TAHUN 2013**

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2013**

	<b>Nota</b>	<b>2013</b>		<b>2012</b>	
		<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>TERIMAAN:</b>					
<b>Hasil</b>	<b>5</b>	175,589,708.58	611,051,216.67	182,919,272.24	624,962,010.23
Hasil Cukai		318,125,416.10		268,026,514.24	
Hasil Bukan Cukai		117,336,091.99		174,016,223.75	
Terimaan Bukan Hasil					
<b>Pinjaman</b>	<b>6</b>	94,084,511.00	94,084,511.00	162,574,062.00	162,574,062.00
Dalam Negeri		-		-	
Luar Negeri					
<b>Terimaan Modal</b>	<b>7</b>	1,320,020.36	84,219,755.58	1,887,904.90	35,259,930.99
Jualan Aset Modal		32,899,735.22		33,372,026.09	
Pelbagai Terimaan Modal		50,000,000.00		-	
Jualan Instrumen Kewangan					
<b>Terimaan Lain</b>	<b>7</b>	19,914,828.84	19,914,828.84	-	-
Terimaan Amanah					
<b>Jumlah Terimaan</b>		<b>809,270,312.09</b>		<b>822,796,003.22</b>	
<b>BAYARAN:</b>					
<b>Perbelanjaan Mengurus</b>	<b>5</b>	254,622,348.37	587,224,309.82	246,959,127.58	536,172,887.61
Emolumen		139,406,540.25		137,070,610.98	
Perkhidmatan dan Bekalan		6,595,370.33		7,943,631.72	
Aset		184,870,897.54		142,645,638.03	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		1,729,153.33		1,553,879.30	
Perbelanjaan Lain					
<b>Perbelanjaan Pembangunan</b>	<b>7</b>	68,096,562.52	137,988,363.88	65,513,215.61	112,379,446.09
Langsung		69,891,801.36		46,866,230.48	
Pinjaman					
<b>Perbelanjaan Modal</b>	<b>4</b>	-	-	38,000,000.00	38,000,000.00
Pembelian Instrumen Kewangan					
<b>Bayaran Balik Pinjaman</b>	<b>6</b>	12,028,613.19	30,527,484.19	7,311,750.13	13,578,705.13
